



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

Tekad Keusahawanan Dalam Kalangan Graduan Kelompok Pertama Universiti Malaysia Kelantan

oleh

Fadzlul Rahimi bin Ahmad Bustami

Tesis ini dikemukakan sebagai memenuhi syarat memperolehi
ijazah Sarjana Sastera

**Pusat Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insaniah
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN**

2017

PENGESAHAN TESIS

Saya dengan ini mengesahkan bahawa kerja yang terkandung dalam tesis ini adalah hasil penyelidikan yang asli dan tidak pernah dikemukakan untuk ijazah tinggi kepada mana-mana Universiti atau Institusi.

- TERBUKA** Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau akses terbuka dalam talina (teks penuh)
- SEKATAN** Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau akses terbuka dalam talian (teks penuh) bagi tempoh yang diluluskan oleh Jawatankuasa Pengajian Siswazah
- Dari tarikh _____ hingga _____
- SULIT** (Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972)*
- TERHAD** (Mengandungi maklumat terhad yang ditetapkan oleh organisasi di mana penyelidikan dijalankan)*

Saya mengakui bahawa Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak berikut.

1. Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Kelantan.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak untuk membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat Salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian.

Tandatangan

800402-06-5081

Tarikh: 26 Januari 2017

Tandatangan Penyalia Utama

Dr Yohan Kurniawan

Tarikh:

PENGHARGAAN

Syukur kepada Tuhan yang memberikan rahmat dan kasih sayangNya menjadikan kajian ini berjalan dengan lancar. Selawat dan salam terhadap junjungan mulia, Rasulullah saw, ahli keluarga dan sahabat baginda saw yang direndhai oleh Allah swt.

Penghargaan kepada isteri, Dr Huwaina binti Abd Ghani dan anak-anak tersayang, Fadzlul Huwais, Fadhilatul Humaira' dan Fadzlul Hubaib. Tidak lupa terhadap ibunda tercinta, Pn Hajjah Mariam binti Hj Zakaria yang tidak pernah mengeluh dengan keterbatasan penulis bersama keluarga dalam usaha menyiapkan kajian ini. Penghargaan tidak terhingga buat Dr Yohan Kurniawan sebagai penyelia utama yang tidak jemu melayan kerenah penulis dalam menyiapkan kajian ini. Tidak lupa kepada Unit Alumni UMK yang membantu saya. Terima kasih juga kepada Sdr Abdullah bin Abdul Karim dan setiap penyelidik kajian yang terlibat secara langsung atau tidak langsung. Semua usaha itu semoga dibalas dengan ganjaran yang setimpal di sisi Allah swt.

Moga-moga kajian ini dapat dimanfaatkan dalam mencapai bekalan akhirat kelak. Amin, Ya Rab al-'Alamin.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

ISI KANDUNGAN

MUKA SURAT

PENGESAHAN TESIS	i
PENGHARGAAN	ii
ISI KANDUNGAN	iii
SENARAI JADUAL	v
SENARAI RAJAH	vi
SENARAI SINGKATAN	vii
ABSTRAK	viii
ABSTRACT	ix
BAB 1 PENDAHULUAN	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Permasalahan dan Persoalan Kajian	8
1.3 Objektif dan Kepentingan Kajian	11
1.4 Skop dan Batasan Kajian	12
1.5 Hipotesis Kajian	13
1.6 Kepentingan Kajian	14
1.7 Kesimpulan Bab	15
BAB 2 KAJIAN LITERATUR	
2.1 Pengenalan	16
2.2 Takrif Usahawan	20
2.3 Tekad Keusahawanan	22
2.4 Suasana Keusahawanan dan Universiti Malaysia Kelantan	24
2.5 Pengalaman Keusahawanan Lampau	30
2.6 Teori Yang Mendokong Kajian Ini	31
2.6.1 Teori Peristiwa Keusahawanan Shapero (TPKS)	32
2.6.2 Teori Tingkah Laku Terancang (TTT)	36
2.6.3 Teori Kognitif Sosial	37
2.7 Model Kajian yang Digunakan	39

2.8	Kesimpulan Bab	42
BAB 3 METODOLOGI KAJIAN		
3.1	Pengenalan	44
3.2	Sampel Kajian	45
3.3	Proses Tinjauan	46
3.4	Kajian Rintis	48
3.5	Instrumen Borang Soal Selidik	50
3.6	Analisis Data	53
3.7	Kesimpulan Bab	54
BAB 4 HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN		
4.1	Pendahuluan	56
4.2	Demografi Kajian	56
4.3	Analisis Diskriptif	58
4.4	Tahap Kebolehpercayaan	61
4.5	Korelasi	62
4.6	Keputusan Regresi Berganda	66
4.7	Kesimpulan Bab	71
BAB 5 KESIMPULAN KAJIAN		
5.1	Ringkasan	73
5.2	Rumusan	73
5.3	Implikasi Kajian	74
5.4	Syor	75
RUJUKAN		77
APPENDIKS		97

SENARAI JADUAL

NO.		MUKA SURAT
1.1	Status pekerjaan responden graduan tempatan, 2011	4
1.2	Status dan sektor pekerjaan bagi responden graduan tempatan	6
3.1	Nilai Alpha Cronbach bagi kajian rintis (n=10)	50
4.1	Demografi kajian	57
4.2	Sektor pekerjaan graduan UMK kelompok pertama graduasi	57
4.3	Analisis Diskriptif	59
4.4	Nilai min TBS bagi graduan FKP dan bukan FKP. (n=159)	61
4.5	Nilai Alfa (α) Cronbach's bagi keseluruhan Data (n=159)	62
4.6	Jadual Korelasi	63
4.7	Interpretasi Korelasi	66
4.8	Pekali Regresi (n = 159)	66
4.9	Statistik Kumpulan	68
4.10	Ujian Sampel Bebas	69
4.11	Ringkasan Hipotesis	71

SENARAI RAJAH

NO.		MUKA SURAT
2.1	Model Kerangka Teori	17
2.2	Teori Peristiwa Keusahawanan Shapero (Shapero & Sokol, 1982)	35
2.3	Teori Tingkahlaku Terancang (Ajzen, 1991)	36
2.4	Teori Kognitif Sosial (Bandura, 1986)	38
2.5	Model Hipotesis Tekad Keusahawanan Yang Digunakan	39



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

SENARAI SINGKATAN

FKP	Fakulti Keusahawanan dan Perniagaan
TBS	Tekad Bekerja Sendiri
TEKK	Tanggapan Efikasi Kendiri Keusahawanan
TKBS	Tanggapan KeboleHINGINAN Bekerja Sendiri
TPKS	Teori Peristiwa Keusahawanan Shapero
TKS	Teori Kognitif Sosial
TTT	Teori Tingkahlaku Terancang
UMK	Universiti Malaysia Kelantan



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

Tekad Keusahawanan Dalam Kalangan Graduan Kelompok Pertama Universiti Malaysia Kelantan

ABSTRAK

Tekad terhadap keusahawanan atau tekad bekerja sendiri merupakan peramal kepada tingkahlaku keusahawanan di masa hadapan. Selaras dengan visi dan misi Universiti Malaysia Kelantan (UMK) sebagai sebuah universiti keusahawanan, graduan UMK seharusnya mempunyai tekad untuk menjadi usahawan, namun data-data yang relevan terhadap perkara tersebut masih kurang. Kajian yang bersifat kuantitatif ini menggunakan instrument yang dibina berdasarkan model McStay yang menggabungkan di antara tiga teori yang berkaitan tekad keusahawanan iaitu Teori Tingkah Laku Terancang Ajzen, Teori Peristiwa Keusahawanan Shapero dan Teori Kognitif Sosial Bandura. Responden kajian adalah daripada 159 graduan UMK yang merupakan kelompok pertama bergraduat pada tahun 2011. Ini bagi memastikan bahawa responden mempunyai sela masa yang berpadanan di antara fasa mahasiswa dan fasa bekerja. Data diperolehi dengan menggunakan soal selidik yang diemalkan kepada responden. Data dianalisis dengan menggunakan statistik diskriptif dan inferens dengan menggunakan regresi berganda dan ujian-t. Kajian ini menguji empat hipotesis dengan menggunakan dua pembolehubah bebas iaitu keboleheinginan bekerja sendiri, efikasi sendiri keusahawanan dan satu pembolehubah bersandar iaitu tekad untuk bekerja sendiri. Hasil analisis menunjukkan tiga hipotesis pertama yang berkaitan dengan tahap tekad keusahawanan graduan UMK diterima dan hipotesis keempat yang berkaitan perbezaan tahap tekad di antara graduan Fakulti Keusahawanan dan Perniagaan (FKP) dan graduan daripada bukan FKP ditolak. Hasil ujian yang melibatkan graduan UMK di atas mengukuhkan dapatan sebelum ini yang menyatakan bahawa suasana keusahawanan mana-mana institusi boleh memupuk tekad keusahawanan di kalangan responden tanpa mengira fakulti.

Entrepreneurship Intention Among First Batch Graduates of Universiti Malaysia Kelantan

ABSTRACT

Entrepreneurship perseverance or self-employed intention is the future predictor to entrepreneurial behaviour. In conformity with mission and vision of Universiti Malaysia Kelantan (UMK) as an entrepreneurial university, UMK's graduates should possess tenacity and determination to become entrepreneurs, although the relevant data with regard to that matter is still not adequate. This quantitative study utilizes instruments which have been formulated based on McStay's Model, combining three (3) main theories on entrepreneurship perseverance, namely Ajzen's Theory of Planned Behaviour, Shapero's Theory of Entrepreneurial Event and Bandura's Theory of Social Cognitive. The respondents for this study consist of 159 UMK's graduates who were the first batch of UMK's students graduated in 2011. They have been selected to ensure they have a reasonable and sufficient time gap between their student's phase and working phase. The data was collected by using questionnaire form which had been emailed to the intended respondents. The data then was analyzed through descriptive and inference statistics by using multiple regression method and t-test. This study tests four (4) hypothesis using two (2) independent variables i.e self-employment desirability and entrepreneurial self-efficacy, and one (1) dependent variable namely self-employment intention. The outcome of the analysis shows that the first three hypothesis relating to the level of the entrepreneurship perseverance among UMK's graduates are accepted and the fourth hypothesis relating to the differences between the level of intention between the graduates of FKP and their counterparts from other faculties is rejected. The finding involving the UMK's graduates further strengthens the previous findings which proved that the entrepreneurship environment and culture within an institution may cultivate entrepreneurship perseverance among the respondents, irrespective of their faculties.

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Untuk menghadapi cabaran di era globalisasi, Malaysia perlu mempunyai usahawan yang berketerampilan dalam pelbagai disiplin. Justeru itu, kerajaan kita sangat mengambil berat tentang perkembangan dunia keusahawanan terutamanya yang berteraskan teknologi.

Untuk mengukuhkan lagi keusahawanan selaras dengan aliran perkembangan ekonomi negara, kerajaan telah memberi tumpuan kepada aspek-aspek seperti penguasaan teknologi moden di kalangan usahawan agar dapat melahirkan usahawan berpengetahuan dan usahawan berasaskan teknologi (*technopreneur*) bagi meningkatkan kualiti dan seterusnya berdaya saing serta berdaya tahan dalam mengharungi dunia yang serba pantas ini (Mohd Nasir, 2003).

Masyarakat yang mempunyai ramai usahawan merupakan masyarakat yang terbaik (Ab.Aziz, 2003). Ini kerana usahawan merupakan individu yang paling dinamik, kreatif dan inovatif. Mereka sedia untuk berhadapan dengan ketidakpastian melalui kreativiti dan kesungguhan untuk mencapai kejayaan. Semangat ini telah menyebabkan mereka melihat hari esok dengan penuh peluang dan berkeyakinan untuk

merebut peluang berkenaan. Oleh itu, usahawan perlu mencipta dan menceburi bidang baru bagi meningkatkan daya saing dengan memberi lebih banyak pilihan kepada masyarakat serta kesejahteraan mereka.

Golongan usahawan merupakan golongan yang dikenalpasti sebagai agen kepada perubahan ekonomi dunia yang dapat kita lihat pada hari ini (Lambing dan Kuehl, 2000). Mereka telah membuktikan kenyataan yang terlebih dahulu diperakui oleh Zenkin (1981) bahawa tanpa golongan usahawan aktiviti pembangunan sosio-ekonomi di sesebuah negara mungkin tidak akan berlaku. Oleh itu, usahawan amat diperlukan oleh seluruh dunia kerana ianya sering dikaitkan dengan pembangunan ekonomi Negara.

Dalam keusahawanan, terdapat kelompok yang mempunyai latar belakang berpendidikan tinggi atau graduan mempunyai pelbagai kemahiran, motivasi, idea dan peluang. Perkara-perkara di atas menjadi pemangkin kepada aktiviti-aktiviti keusahawanan yang produktif dan kreatif (Noorkartina et al, 2011). Keusahawanan juga penting untuk mengubah manusia daripada sikap bergantung kepada orang lain kepada sikap berdikari.

Sejak krisis kewangan pada 1997, masalah pengangguran di Malaysia adalah bertambah walaupun tidak ketara (Lim, Rich & Harris, 2008). Dalam konteks ini, pilihan kerjaya sebagai usahawan (atau bekerja sendiri) menjadi semakin penting di dalam membantu menyelesaikan masalah pengangguran di kalangan graduan.

Berdasarkan kepada statistik pekerjaan pada 2011, bilangan pekerjaan di Malaysia meningkat. Walau bagaimanapun, jumlah pengangguran juga meningkat daripada 421,800 orang (Januari 2011) berbanding 387,900 orang (Januari 2010). Namun, kadar pengangguran tidak meningkat di antara kedua-dua tempoh tersebut iaitu 3.4 peratus (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2011). Berkenaan status pekerjaan graduan pula, kajian penyurih (tracer study) yang dilakukan oleh Kementerian Pengajian Tinggi pada tahun 2011 mendapati graduan yang bekerja adalah 50.4%, menyambung pengajian sebanyak 16.6%, meningkatkan kemahiran sebanyak 1.4%, menunggu penempatan pekerjaan adalah sebanyak 7%, dan yang masih belum bekerja adalah seramai 24.6% (Jadual 1.1). Di dalam angka, jumlah graduan yang masih belum bekerja adalah seramai 42,944 orang.

Menurut Birch (1987) pula, syarikat yang mempunyai pekerja kurang daripada 100 orang menciptakan lebih banyak pekerjaan berbanding dengan syarikat yang mempunyai bilangan pekerja yang lebih daripada 100 orang dalam masa 9 hingga 10 tahun. Syarikat-syarikat yang menciptakan peluang pekerjaan ini dipanggil '*gazelles*' dan mereka merupakan perusahaan milik seseorang usahawan. Kajian ini mengukuhkan pandangan umum bahawa bidang keusahawanan memberikan peluang pekerjaan kepada orang lain (McDermott, 1987; Low dan MacMillan, 1988). Menyedari hakikat ini, Malaysia menggalakkan penduduknya terutama kaum belia yang mempunyai potensi supaya menceburi bidang keusahawanan (Ministry of Higher

Education, 2011).

Jadual 1.1: Status pekerjaan responden graduan tempatan, 2011

Status pekerjaan	(%)	Jumlah (000)
Bekerja	50.4	87,886
Menyambung pengajian	16.6	28,921
Meningkatkan kemahiran	1.4	2,427
Menunggu penempatan pekerjaan	7.0	12,250
Masih belum bekerja	24.6	42,955
Jumlah	100	174,439

Sumber: MoHE Graduates Tracer Study, 2011

Di dalam konteks di atas, penglibatan di dalam bidang keusahawanan adalah merupakan strategi terbaik untuk mengatasi masalah pengangguran di kalangan graduan. Selain itu, aktiviti keusahawanan akan meningkatkan tahap ekonomi negara. Kupets (2006) mencadangkan untuk mengatasi masalah pengangguran di kalangan graduan yang semakin meningkat, universiti memainkan peranan penting bagi membangunkan sikap keusahawanan pelajar-pelajar mereka. Sebagai contoh, membangunkan suasana keusahawanan di dalam proses pembelajaran di institusi mereka. Kerajaan Malaysia juga membuat beberapa pendekatan di dalam mempromosikan aktiviti keusahawanan di kalangan pelajar institusi pengajian tinggi sejak 1995 (Busenitz, Gomez & Spencer, 2000). Namun, hasilnya masih sederhana

mengikut Jadual 1.2.

Daripada Jadual 1.2, daripada 87,886 graduan, hanya 1.6% sahaja yang bekerja sendiri. Daripada sudut sektor pekerjaan, penglibatan graduan di dalam bekerja sendiri hanya 5.5%. Kebanyakan graduan lebih berminat untuk mencari pekerjaan berbanding mencipta peluang untuk bekerja sendiri.

Kadar yang rendah ini memberikan kesan kepada polisi kerajaan Malaysia yang menggalakkan graduan menceburi bidang keusahawanan. Rancangan Pendidikan Tinggi Negara Fasa 2 (2011-2015) meletakkan aktiviti keusahawanan sebagai pemangkin kepada pertumbuhan ekonomi melalui inovasi, kreativiti dan berdaya saing.

Selain itu, pelbagai usaha murni telah dirancang oleh kerajaan agar rakyat berminat untuk menceburi bidang keusahawanan. Penerapan ilmu keusahawanan dilakukan sejak dari peringkat bangku sekolah bagi mencungkil bakat dan mengasah minat mereka.

Keusahawanan adalah fenomena yang memberikan kesan positif terhadap pertumbuhan ekonomi melalui kemunculan perniagaan baru yang inovatif. Orientasi keusahawanan yang berkisar kepada keuntungan, pelaburan

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

Jadual 1.2: Status dan sektor pekerjaan bagi responden graduan tempatan

Institut Pengajian Tinggi / Status Pekerjaan	IPTA	IPTS	Politeknik	Kolej Komuniti	Jumlah
Tetap	61.3% (29,878)	70.2% (15,611)	48.1% (6,444)	37.2% (1,281)	60.6% (53,270)
Kontrak	20.2% (9,816)	15.1% (3,352)	22.9% (3,071)	19.1% (659)	19.3% (16,922)
Sementara	16.1% (7,855)	12.2% (2,711)	24.7% (3,307)	35.9% (1,236)	17.2% (15,114)
Bekerja Sendiri	1.4% (690)	1.2% (276)	1.9% (255)	4.7% (162)	1.6% (1,383)
Bekerja dengan Keluarga	1.0% (470)	1.3% (299)	2.4% (322)	3.1% (106)	1.4% (1,197)
Jumlah	100% (48,709)	100% (13,399)	100% (13,399)	100% (3,444)	100% (87,886)
Institusi Pengajian Tinggi / Sektor Pekerjaan	IPTA	IPTS	Politeknik	Kolej Komuniti	Jumlah
Kerajaan	31.3% (15,266)	34.5% (7,680)	10.5% (1,412)	4.1% (142)	27.9% (24,501)
Badan Berkanun	5.3% (2,558)	2.0% (447)	4.4% (583)	1.7% (59)	4.2% (3,648)
Swasta (Antara Negara)	14.6% (7,128)	15.1% (3,370)	13.6% (1,826)	7.5% (258)	14.3% (12,609)
Swasta (Tempatan)	39.0% (18,982)	38.2% (8,495)	56.8% (7,610)	64.5% (2,222)	42.5% (37,361)
Perniagaan Sendiri	4.3% (2,089)	4.9% (1,090)	8.4% (1,129)	15.5% (533)	5.5% (4,841)
Syarikat Berkaitan Kerajaan	3.0% (1,476)	2.5% (533)	3.0% (397)	1.7% (57)	2.8% (2,485)
Badan Bukan Kerajaan	1.4% (695)	1.8% (395)	2.1% (281)	3.0% (105)	1.7% (1,477)
Lain-lain	1.1% (515)	1.0% (219)	1.2% (161)	2.0% (68)	1.1% (964)
Jumlah	100% (48,709)	100% (22,249)	100% (3,444)	100% (3,444)	100% (87,886)

Sumber: MOHE Graduates Tracer Study, 2011.

modal dan penciptaan pasaran baru antara faktor-faktor yang menyebabkan pengembangan ekonomi (Cole, 1965; Weber, 1930). Perniagaan baru walaupun kecil, ia memainkan peranan penting di dalam mewujudkan peluang pekerjaan.

Kajian tentang usahawan boleh disorot sejak abad ke tujuh belas apabila ahli ekonomi, Richard Cantillon mencipta istilah *entrepreneur* atau di dalam bahasa Melayu disebut usahawan (Cantillon, 1755). Kajian tentang psikologi usahawan pula berkembang daripada kajian tingkah laku kepada motivasi, dan seterusnya kepada kognitif usahawan (Shaver & Scott, 1992).

Kajian tentang tekad keusahawanan individu adalah salah satu pendekatan terkini untuk memahami proses keusahawanan dan telah diterima pakai oleh beberapa pengkaji (Autio et al, 2001 Davidsson, 1995;. Krueger dan Brazeal, 1994; Peterman dan Kennedy, 2003; Shapero, 1982;. Zhao et al, 2005). Tekad keusahawanan individu didakwa menjadi peramal kepada tingkah laku keusahawanan pada masa hadapan (Ajzen, 1991; Kim dan Hunter, 1993). Pembangunan perniagaan baru memerlukan individu untuk membuat pilihan dan keputusan secara sedar selain merupakan tingkah laku yang sengaja yang disengajakan. Oleh itu, adalah logik bahawa kajian tekad dapat memberikan sorotan mengenai jenis individu bagaimana yang tertarik untuk menjadi usahawan.

1.2 Permasalahan Kajian

Universiti Malaysia Kelantan (UMK) yang diluluskan penubuhannya oleh mesyuarat kabinet kerajaan persekutuan Malaysia pada 14 Jun 2006, telah menetapkan bahawa teras UMK adalah sebagai *universiti keusahawanan*. Visi UMK pula adalah “Peneraju pembangunan modal insan bercirikan keusahawanan bagi kesejahteraan global”. Bagi mencapai teras dan visi tersebut, objektif UMK adalah:

- Menyediakan kursus pengajian dan latihan dengan memberi penekanan kepada penghayatan ciri-ciri keusahawanan dan pembangunan insaniah merentasi kurikulum.
- Membangun kapasiti dan keupayaan perusahaan kecil & sederhana (PKS) bagi meningkatkan daya saing dalam penjanaan kekayaan negara.
- Membangun modal insan berkualiti yang menyumbang dengan efektif kepada pembangunan negara dan dimanfaatkan oleh masyarakat.
- Membangun keupayaan staf dalam aspek pembelajaran sepanjang hayat (PSH), kepimpinan dan pengurusan.
- Menyediakan infrastruktur dan sistem sokongan yang kondusif sebagai asas kepada pembangunan Universiti bertaraf dunia.
- Melaksanakan aktiviti pembangunan wilayah sejajar dengan rancangan pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER).
- Mengamalkan sistem tadbir urus dan pengurusan kewangan yang efektif serta berintegriti tinggi.

Dua objektif UMK yang teratas adalah berkait langsung dengan pembangunan ciri-ciri keusahawanan serta usaha penciptaan di kalangan pelajarinya merentasi fakulti tanpa terikat kepada fakulti keusahawanan semata-

mata. Oleh itu, satu tinjauan dari sudut kognitif perlu dilakukan kepada produk UMK bagi melihat sama ada suasana pembelajaran di UMK memberikan kesan yang signifikan kepada tekad seseorang graduan UMK.

Berdasarkan Jadual 1.1 dan Jadual 1.2, didapati bahawa penglibatan graduan di dalam bidang keusahawanan masih belum memuaskan buat masa ini. Namun, untuk meramalkan sama ada mereka akan terlibat di dalam aktiviti keusahawanan di dalam masa akan datang, perlu dilihat sama ada wujud tekad keusahawanan di dalam diri mereka terlebih dahulu. Di sini boleh menjadi salah satu pengukur kejayaan satu-satu dasar atau program.

Keputusan seseorang individu untuk menjadi seorang usahawan adalah merupakan teras kepada aktiviti keusahawanan. Harvey dan Evans (1995) mengatakan bahawa masa yang kritikal bagi keputusan kerjaya seseorang adalah ketika seseorang itu menuntut di pengajian tinggi. Gorman, Hanlon dan Raja (1997) melihat keberkesanan program pendidikan keusahawanan, salah satunya adalah kepada apakah keputusan kerjaya pada graduan program tersebut. Bagi Universiti Malaysia Kelantan, pendidikan keusahawanan secara formal hanya diberikan kepada graduan Fakulti Keusahawanan dan Perniagaan. Namun selaras dengan universiti keusahawanan, pendedahan kepada suasana keusahawanan berlaku kepada semua pelajar tidak kira fakulti melalui seminar-seminar, dan pelbagai galakan-galakan lain. Oleh itu, sebagai satu kayu ukur kejayaan UMK berdasarkan visi dan misi UMK, tekad graduan untuk menjalankan aktiviti keusahawanan perlu dikaji.

Kajian empirikal di dalam tesis ini memberikan takrifan yang sama terhadap ‘bekerja sendiri’ dan kerjaya keusahawanan seterusnya akan melihat kesan suasana universiti keusahawanan kepada tekad bekerja sendiri graduan. Kajian ini menggunakan dua pembolehubah bebas sebagaimana yang ditakrifkan oleh McStray (2008). Ia adalah tanggapan keboleHINGINAN untuk bekerja sendiri (TBKS) ataupun dalam bahasa awam boleh dianggap minat berniaga dan tanggapan efikasi sendiri keusahawanan (TEKK) atau disebut dalam bahasa awam adalah kesungguhan dan pengalaman. Oleh itu, kajian ini untuk menjawab soalan-soalan berikut:

1. Sejauh mana graduan UMK mempunyai tekad untuk bekerja sendiri?
2. Adakah graduan Universiti Malaysia Kelantan (UMK) mempunyai ‘tanggapan terhadap keboleHINGINAN untuk bekerja sendiri’ (TKBS) dan tanggapan terhadap efikasi sendiri keusahawanan (TEKK)
3. Adakah kedua-dua tanggapan keboleHINGINAN untuk bekerja sendiri (TKBS) dan tanggapan terhadap efikasi sendiri keusahawanan (TEKK) , memberikan impak terhadap tekad untuk bekerja sendiri?
4. Adakah terdapat perbezaan di antara skor min tekad di antara graduan FKP dan bukan FKP.

1.3 Objektif Kajian

Dua parameter iaitu tanggapan terhadap kebolehingan untuk bekerja sendiri (TKBS) dan tanggapan terhadap efikasi sendiri keusahawanan (TEKK) Kajian ini bertujuan untuk menyumbang kepada pemahaman tekad keusahawanan. Ia telah diterima secara meluas bahawa tekad keusahawanan terbentuk akibat daripada persepsi yang seseorang individu dan sikap terhadap keusahawanan (Katz, 1992; Krueger dan Carsrud, 1993; Tkashev dan Kolveroid, 1999). Objektif utama kajian ini adalah untuk mengkaji tekad keusahawanan dalam kalangan graduan UMK. Kajian menunjukkan sikap dan tekad ke arah tingkah laku itu didorong oleh persepsi. Oleh itu, ia boleh dipengaruhi (Ajzen, 1991). Manakala persepsi situasi seseorang individu yang berdasarkan pengalaman yang terdahulu dan yang terkini boleh juga mempengaruhi kecenderungan keusahawanan mereka (Krueger dan Brazeal 1994) . Oleh itu, suasana pengajian keusahawanan adalah alat yang berpotensi untuk boleh meningkatkan minat, sikap, persepsi dan tekad seseorang individu ke arah bekerja sendiri. Objektif kajian ini adalah seperti berikut:

1. Untuk menentukan tahap tekad keusahawanan di kalangan graduan UMK
2. Untuk menentukan sama ada graduan UMK mempunyai kebolehingan untuk bekerja sendiri dan tanggapan terhadap efikasi sendiri keusahawanan.

3. Untuk mengkaji pengaruh tanggapan terhadap kebolehinginan untuk bekerja sendiri, tanggapan terhadap efikasi sendiri keusahawanan terhadap tekad keusahawanan atau tekad bekerja sendiri.

1.4 Skop dan Batasan Kajian

Seperti yang dibincangkan sebelum ini, fokus kajian ini adalah untuk mengenal pasti dan mengesahkan pembolehubah yang boleh mempengaruhi tekad individu kepada bekerja sendiri sebagai satu bentuk tingkah laku keusahawanan. Kajian ini menggunakan model yang dibangunkan oleh McStray, 2008 yang meringkas dan menggabungkan model-model daripada Ajzen (1991), Bandura (1977) dan Shapero (1982). Kajian ini memberi tumpuan kepada pembolehubah yang mungkin berkaitan dengan pembentukan tekad bekerja sendiri sahaja, bukan hubungan tekad-tingkah laku. Skop kajian adalah melibatkan graduan Universiti Malaysia Kelantan.

Kajian ini juga tidak melibatkan faktor-faktor luaran secara langsung dan biologi yang mungkin turut memberikan kesan kepada aktiviti keusahawanan graduan seperti jantina, bantuan kerajaan, kaum, agama dan seumpamanya.

Sebarang generalisasi keputusan daripada kajian ini perlu dilihat sama ada perbandingan tersebut homogen dengan ciri-ciri khas UMK atau tidak.

1.5 Hipotesis Kajian

Tujuan tesis ini adalah untuk memberi kefahaman lanjut tentang graduan UMK mempertimbangkan bekerja sendiri sebagai pilihan kerjaya di masa hadapan. Kajian ini memberikan penjelasan berdasarkan tiga teori iaitu Teori Pembentukan Peristiwa Keusahawanan Shapero, Teori Tingkahlaku Terancang dan Teori Kognitif Sosial. Pertamanya, kajian ini cuba melihat hubungan di antara tiga pembolehubah yang telah diringkaskan daripada ketiga-tiga teori di atas iaitu tanggapan terhadap kebolehinginan untuk bekerja sendiri, tanggapan terhadap efikasi sendiri keusahawanan dan tekad bekerja sendiri (tekad keusahawanan). Kedua, kajian ini secara empirik menilai tekad keusahawanan setelah penyertaan graduan di universiti keusahawanan memotivasikan individu tersebut untuk meneruskan bekerja sendiri. Maka, terdapat 4 hipotesis yang akan diuji di dalam kajian ini. Ia seperti berikut:

Hipotesis 1: terdapat hubungan positif antara tanggapan terhadap kebolehinginan untuk bekerja sendiri (TKBS), dengan tekad bekerja sendiri (TBS).

Hipotesis 2: terdapat hubungan positif antara tanggapan terhadap efikasi sendiri keusahawanan (TEKK) dengan tekad bekerja sendiri (TBS).

Hipotesis 3: Tanggapan Kebolehinginan Bekerja Sendiri (TKBS) dan Tanggapan Efikasi Kendiri Keusahawanan (TEKK) mempengaruhi tekad bekerja sendiri (TBS).

Hipotesis 4: Terdapat perbezaan yang signifikan pada tekad bekerja sendiri (TBS) di antara graduan Fakulti Keusahawanan & Perniagaan (FKP) berbanding graduan yang bukan daripada FKP.


1.6 Kepentingan Kajian

Kepentingan kajian ini :

- i) Memberikan jurang pemahaman bagaimana tahap tekad bekerja sendiri bagi graduan di universiti keusahawanan di Malaysia
- ii) Mengisi jurang pemahaman sejauh mana kebolehinginan dan efikasi sendiri boleh mempengaruhi tekad bekerja sendiri di universiti keusahawanan di Malaysia
- iii) Mengisi jurang pemahaman terhadap kesan suasana keusahawanan di universiti memupuk tekad keusahawanan di antara graduan berlatar belakang fakulti keusahawanan dan bukan latar belakang fakulti keusahawanan.
- iv) Memberikan maklumat tentang hasil produk UMK sebagai universiti keusahawanan tentang tahap tekad mereka untuk bekerja sendiri.
- v) Kajian ini menjadi panduan pihak universiti untuk melihat kejayaannya dengan mengenalpasti sejauh mana kesan suasana universiti keusahawanan UMK mampu membentuk tekad keusahawanan di kalangan graduannya

1.7 Kesimpulan Bab

Secara keseluruhan, bab ini telah membincangkan latar belakang kajian, pernyataan masalah, objektif, kepentingan kajian, skop dan batasan kajian. Seterusnya, bab dua akan menerangkan kajian literatur dan model kajian ini.



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

BAB 2


KAJIAN LITERATUR

2.1 Pengenalan

Bab dua ini akan membincangkan pendekatan, model, teori dan dapatan yang diperolehi daripada kajian terdahulu sama ada daripada dalam dan luar negara yang berkaitan. Secara umum akan diterangkan seperti di dalam rajah 2.1. Kerangka teori juga dipersembahkan di penghujung bab ini.

Selain kajian tentang sifat dan tingkah laku keusahawanan, kajian tentang tekad juga menjadi perhatian banyak pengkaji di kebelakangan ini (Autio et al, 2001 Davidsson, 1995;. Krueger dan Brazeal, 1994; Peterman dan Kennedy, 2003; Shapero, 1982;. Zhao et al, 2005). Ini kerana tekad keusahawanan individu didakwa boleh menjadi peramal kepada tingkah laku keusahawanan pada masa hadapan (Ajzen, 1991; Kim dan Hunter, 1993). Dengan menggunakan sampel pelajar Amerika yang sedang mencari kerjaya yang sesuai untuk mereka, Krueger et al. (2000) mendapati bahawa model kajian tekad yang sedia ada memberikan sokongan statistik yang kukuh untuk meramalkan tingkah laku keusahawanan. Memahami latar belakang tekad keusahawanan meningkatkan pemahaman kita tentang tingkah laku keusahawanan yang ditekadkan. Oleh itu, tekad keusahawanan membantu menjelaskan mengapa ramai usahawan membuat keputusan untuk memulakan

perniagaan walaupun sebelum mereka memulakan pencarian peluang-peluang perniagaan (Krueger et al., 2000). Pembangunan perniagaan baru memerlukan individu untuk membuat pilihan dan keputusan secara sedar dan ia merupakan tingkah laku yang sengaja yang disengajakan. Oleh itu, untuk melahirkan ramai usahawan, faktor pembinaan tekad tidak boleh diketepikan.



Rajah 2.1: Model kerangka teori

Shapero dan Sokol (1982) telah membangunkan teori peristiwa keusahawanan Shapero yang mempertimbangkan perubahan haluan hidup dan kesannya terhadap perubahan persepsi individu untuk terlibat usaha penciptaan. Model ini mengandaikan bahawa anjakan hidup menjadi asas perubahan dalam tekad keusahawanan dan tingkah laku seterusnya. Anjakan boleh berlaku sama ada dalam bentuk negatif seperti kehilangan pekerjaan atau bentuk yang positif seperti sokongan kewangan. Tekad untuk bekerja sendiri dan membentuk usaha penciptaan itu bergantung kepada persepsi individu terhadap:-

- i. kehendak seperti 'saya mahu melakukannya?',
- ii. daya maju seperti 'saya mempunyai sumber untuk melakukannya?

yang berhubungan dengan aktiviti memulakan perniagaan.

Teori Tingkahlaku Terancang (TPB) (Ajzen, 1991) adalah model tekad yang lain dan telah digunakan untuk ramalan dan kebolehgunaannya merentasi pelbagai domain termasuk keusahawanan. Berdasarkan hubungan kepercayaan, sikap dan tekad, kepercayaan dan sikap seseorang mengenai tingkahlaku tertentu akan memberikan gambaran tentang tingkah laku tersebut. Dalam konteks keusahawanan ini bermakna kepercayaan dan sikap mengenai keusahawanan membentuk tekad mereka untuk menjadi yang bekerja sendiri dan mewujudkan usaha perciptaan sebagai usahawan. Krueger et al. (2000) mengkaji Teori Tingkahlaku Terancang iaitu ramalan berhubung dengan tekad untuk memulakan perniagaan dan disahkan bahawa sikap dan kawalan

tingkahlaku yang ditanggap adalah signifikan dengan tekad keusahawanan. Penyelidik dalam bidang keusahawanan telah menggunakan kedua-dua atau gabungan model Shapero dan Ajzen dengan keputusan yang menunjukkan bahawa untuk tekad bekerja sendiri untuk kedua-dua model boleh disepadukan ke dalam satu kaedah (Kolveroid et al, 2006;. Krueger et al, 2000).

Kajian sebelum ini menunjukkan bahawa banyak faktor yang memainkan peranan yang penting dalam menentukan sama ada seseorang itu memilih untuk bekerja sendiri atau bekerja makan gaji. Pilihan kerjaya adalah satu proses kognitif yang didorong oleh kepercayaan, sikap dan pengalaman. Penyelidikan sebelum ini mengesahkan bahawa kerjaya keusahawanan juga mengikut corak yang sama (Davidsson 1991; Katz 1992; Shaver dan Scott 1992). Teori Kognitif Sosial (TKS) juga menyediakan rangka kerja untuk memahami proses di mana individu membentuk minat dan membuat pilihan yang berhubung dengan pekerjaan mereka (Lent, Brown & Hackett, 1994). TKS memberi tumpuan kepada latar belakang peribadi seseorang individu dan pengalaman pembelajaran sebagai faktor yang mempengaruhi tingkah laku yang berkaitan pilihan kerjaya mereka. Kajian mereka menganggap bahawa pengaruh kedua-dua pendidikan keusahawanan dan pengalaman sebelum keusahawanan sebagai faktor-faktor luaran yang banyak membentuk satu proses kognitif individu untuk tekad bekerja sendiri. Krueger et al. (2000) mendapati bahawa pembolehubah peribadi dan situasi secara tidak langsung mempengaruhi tekad keusahawanan dengan cara membentuk sikap dan persepsi yang utama. Oleh itu, pendidikan keusahawanan dan pengalaman

keusahawanan sebelumnya hanya akan memberi kesan kepada tekad keusahawanan jika mereka mengubah sikap dan persepsi utama. Ini seperti tanggapan kebolehinginan untuk bekerja sendiri dan tanggapan terhadap efikasi sendiri keusahawanan.

Hatten dan Ruhland (1995) melaporkan bahawa penyertaan dalam program pendidikan Industri Kecil dan Sederhana akan mempertingkatkan sikap keusahawanan di kalangan pelajar. Kajian ini dan lain-lain (Krueger, 1993; Peterman dan Kennedy, 2003) mencadangkan bahawa pendidikan keusahawanan adalah satu faktor luaran yang penting untuk diambilkira dalam model tekad keusahawanan sebagai peristiwa yang mempengaruhi sikap dan persepsi peserta terhadap keusahawanan.

2.2 Takrif Usahawan

Dalam konteks yang berlainan, definisi bagi istilah usahawan adalah berbeza-beza. Bagi ahli ekonomi, usahawan merupakan seseorang yang membawa sumber, pekerja, bahan, dan aset-aset yang lain kepada kombinasi yang memberi mereka nilai yang lebih tinggi di samping memperkenalkan perubahan, inovasi dan arahan baru. Bagi ahli psikologi pula, usahawan merupakan orang yang biasanya dipandukan oleh tenaga tertentu untuk mencapai dan mendapat sesuatu, menguji, menyempurnakan atau mengelakkan diri daripada kuasa orang lain (Md Mohar et al., 2001).

Menurut Kamus Dwibahasa Oxford Fajar (1992), istilah usahawan dalam Bahasa Inggeris ialah 'Entrepreneur' yang bermaksud orang yang mengurus dan menyusun suatu perancangan komersial terutamanya melibatkan risiko. Hisrich dan Peters (1995) menerangkan perkataan 'Entrepreneur' pula berasal daripada perkataan Perancis iaitu *entreprende* yang bermaksud memikul tugas, tanggungjawab atau mencuba (Zafir dan Fazilah, 2003).

Seterusnya, definisi yang hampir sama daripada Thomas dan Norman (1994) dan Halloran (1994) pula mendefinisikan usahawan sebagai individu yang mencipta perniagaan baru di mana ianya merupakan satu risiko ketidakpastian bagi tujuan mendapatkan keuntungan dan perkembangan. Ini dilaksanakan dengan mengenalpasti peluang dan mengumpulkan sumber-sumber yang diperlukan untuk memulakan perniagaan mereka. Definisi ini hampir sama dengan definisi yang diberikan oleh Khairuddin (1996) dan Greenberg dan Baron (2000) bahawa usahawan adalah peneraju kepada sesebuah perniagaan baru. Usahawan bertanggungjawab dalam memajukan perniagaan yang dimulakannya, menggabungkan modal, sumber-sumber fizikal dan tenaga buruh dengan cara yang baru dan inovatif selari dengan peredaran masa.

Nor Aishah (2002) pula mendefinisikan usahawan sebagai seseorang yang berusaha untuk menghasilkan sesuatu yang baru, berbeza dan bernilai yang diterima oleh masyarakat dengan

menggunakan segala sumber yang sedia ada dan menanggung risiko kewangan, psikologi dan sosial untuk mendapatkan ganjaran dalam bentuk kewangan dan kepuasan diri.

Daripada definisi-definisi di atas dapatlah difahami bahawa setiap individu mempunyai peluang untuk menjadi usahawan. Aspek yang membezakan di antara usahawan dengan bukan usahawan ialah kesediaan mereka untuk mengadunkan kreativiti, inovasi dan pengambilan risiko dengan kesungguhan bekerja bagi membentuk, membangun dan memaksimumkan potensi diri dengan memanfaatkan peluang yang diperolehi.

2.3 Tekad Keusahawanan

Tekad keusahawanan merujuk kepada tekad untuk melakukan tingkah laku keusahawanan di masa akan datang. Kajian sebelum ini merujuk tekad keusahawanan sebagai tekad untuk memulakan perniagaan baru (Krueger dan Brazeal, 1994; Zhao et al, 2005), tekad untuk memiliki perniagaan (Crant, 1996), atau tekad untuk bekerja sendiri (Douglas dan Shepherd, 2002; Kolvereid, 1996). Untuk tujuan penyelidikan dalam tesis ini, tekad keusahawanan ditakrifkan sebagai tekad individu untuk bekerja sendiri. Takrif bekerja sendiri ini yang digunapakai di dalam kajian ini.

Tekad merupakan peramal terbaik untuk satu-satu tingkah laku pada masa hadapan (Norasmah, 2012). Krueger et al. (2000) membuktikan di dalam

aktiviti keusahawanan, tekad merupakan peramal terbaik untuk satu-satu tingkah laku yang bersifat unik, sukar untuk diperhatikan dan tidak dijangka had masanya. Satu-satu tingkahlaku terancang, mestilah mempunyai tekad di sebelum tingkah laku tersebut (Ajzen, 2002). Keusahawanan pula adalah merupakan satu jenis tingkah laku terancang yang mempunyai tekad (Norasmah, 2012).

Ajzen (1977) membezakan di antara minat dan tekad. Minat atau kebolehhingan itu sendiri adalah satu komponen penting yang membentuk tekad. Tanpa faktor-faktor lain sebagaimana yang akan diterangkan dalam sub bab 2.6, minat semata-mata tidak akan membawa kepada tindakan. Satu-satu tekad itu mesti melibatkan perancangan dan pertimbangan (Bratman, M. , 1987) Kekeliruan banyak berlaku apabila responden menganggap minat mereka terhadap aktiviti keusahawanan adalah merupakan tekad keusahawanan atau tekad bekerja sendiri.

Kajian menunjukkan semua tindakan yang rasional dikawal oleh tekad, namun tidak semua juga tekad menghasilkan tindakan. Sebahagian tekad dilupakan setelah masa berlalu dan sebahagian lagi berubah mengikut perubahan kognitif seseorang individu sebagai penyesuaian perubahan suasana yang dihadapi (Ajzen, 1985).

Segal, G et al. (2005) telah membuat kajian ke atas mahasiswa-mahasiswa di Amerika, dengan merujuk kepada Teori Tingkahlaku Terancang Ajzen, merumuskan bahawa, jika yang diukur tersebut adalah tekad

keusahawanan, kebarangkalian tekad tersebut akan menghasilkan aktiviti keusahawanan adalah melebihi 80%.

Beberapa penyelidik telah menggunakan model tekad untuk mengkaji tekad keusahawanan dan latar belakang kognitif usahawan tersebut (Bird, 1988; Boyd dan Vozikis, 1994; Chen et al, 1998;. Crant, 1996; Douglas dan Shepherd, 2002; Katz dan Gartner, 1988; Kolvereid, 1992; Kolvereid et al 2006.; Krueger dan Brazeal, 1994; Krueger dan Carsrud, 1993; Krueger, Reilly dan Carsrud, 2000; Norasmah Osman, 2012; Peterman dan Kennedy, 2003; Shapero dan Sokol, 1982; Zaharah et al, 2013;. Zhao et al, 2005). Kajian-kajian ini disenaraikan mengikut abjad oleh penulis dalam menonjolkan fokus dan sumbangan mereka.

2.4 Suasana Keusahawanan dan Universiti Malaysia Kelantan

Entrepreneurship ecosystem atau ekosistem keusahawanan adalah elemen sama ada individu, organisasi atau institusi yang diluar daripada individu tersebut, yang bersifat kondusif untuk seseorang individu tersebut menjadi usahawan atau berjaya sebagai seorang usahawan (Brockhouse, 1982).

Dalam kajian ini, bagi tujuan mempermudah kefahaman responden, *entrepreneurship ecosystem* ditakrifkan sebagai 'suasana keusahawanan'. Mengikut Kamus Dewan Edisi Keempat, suasana memberi makna keadaan yang wujud di sekitar lingkungan sesuatu. Maka, suasana keusahawanan

adalah keadaan keusahawanan yang wujud di sekitar lingkungan individu tersebut. Ia memberikan makna yang sama dengan *entrepreneurship ecosystem* sebagaimana yang ditakrifkan oleh Brockhouse, (1982).

Menurut Nik Abdul Rashid (1983), sistem pendidikan negara harus memberikan penekanan kepada pembelajaran berbentuk perniagaan. Beliau menyatakan bahawa pelajar-pelajar yang mempunyai kecerdasan yang tinggi dan menunjukkan bakat yang baik dalam matapelajaran perdagangan perlu diberikan galakan meneruskan pembelajaran ke dalam bidang ini. Ini bertujuan untuk melahirkan lebih ramai pelajar berupaya bergiat dalam bidang keusahawanan (Zolkifli Alib, 1988). Oleh itu, minat keusahawanan dapat dipupuk sejak peringkat sekolah lagi.

Menurut Bowles dan Gintis (1976), pendidikan tinggi memberikan motivasi dan aspirasi untuk kerjaya masa depan dan pilihan pekerjaan seseorang.

Satu kajian telah dijalankan oleh Gomolka (1977) mendapati bahawa kebanyakan usahawan-usahawan memiliki kelayakan akademik yang tinggi. Kajian ini telah dilakukan terhadap 220 orang usahawan minoriti yang berasal dari *District of Columbia (DC)*, Amerika Syarikat. Keputusan kajian menunjukkan hubungan korelasi yang kuat antara pencapaian pendidikan dan pencapaian dalam perniagaan.

Hal ini menunjukkan bahawa akademik menjadi faktor pendorong bagi individu menceburi bidang keusahawanan.

Menurut Karr (1985) pula, sebanyak 46 peratus daripada pelajar

kolej memilih perniagaan sendiri sebagai jalan bijak untuk mendapatkan pekerjaan. Kajian yang telah dijalankan di Universiti Pittsburgh ke atas 1000 pelajar MBA daripada sekolah perniagaan yang terkenal mendapati seramai 44 peratus responden ingin menjadi seorang usahawan. Ini berlawanan dengan kajian yang dilakukan oleh Sandholtz (1990) yang menyatakan seramai 34 peratus graduan ingin menjadi pengurus korporat sebagai kerjaya mereka. Manakala Scott dan Twomey (1998), melalui data yang diperolehi daripada pelajar di Great Britain, mendapati seramai 25 peratus mempunyai idea perniagaan dan 41 peratus berhasrat untuk bekerja sendiri. Kajian-kajian ini menunjukkan bahawa graduan luar negara lebih berminat dan berhasrat untuk bekerja sendiri berbanding dengan mentaliti graduan di Malaysia yang masih berharap kepada makan gaji semata-mata.

Brown (1990) pula melaporkan di antara 2 hingga 2.5 peratus alumni dari United Kingdom memulakan perniagaan sebaik sahaja mereka tamat pengajian. Manakala, kajian yang telah dijalankan oleh Charles Banfe (1991) mendapati lebih kurang 25 peratus daripada keseluruhan populasi usahawan yang berjaya di Amerika Syarikat, memiliki ijazah sarjana. Manakala lebih kurang 20 peratus mempunyai diploma sekolah tinggi dan sarjana kedoktoran pula kira-kira 10 peratus. Selain itu, usahawan-usahawan yang mencapai tahap pendidikan yang lebih rendah daripada diploma sekolah tinggi adalah lima peratus. Ini menunjukkan bahawa usahawan yang berjaya di dalam perniagaan

memiliki tahap akademik yang tinggi.

Di seluruh dunia, peningkatan kesedaran tentang kepentingan keusahawanan daripada pihak berkuasa awam telah menyumbang kepada pertumbuhan berterusan dalam bilangan kolej dan universiti yang menawarkan kursus-kursus keusahawanan.

Pendidikan keusahawanan yang merupakan satu komponen penting dalam pendidikan sekolah atau fakulti perniagaan (Kolveroid dan Moen, 1997). Ia memberikan rangsangan untuk individu mempertimbangkan pilihan kerjaya sama ada untuk bekerja sendiri dan menceburi usaha penciptaan usaha. Persoalan kompleks 'bagaimana untuk belajar' dan 'bagaimana untuk mengajar' keusahawanan (Fayolle dan Klandt, 2006) terus memacu penyelidikan di dalam aliran ini. Beberapa kajian menyokong idea bahawa unsur-unsur keusahawanan boleh diperolehi secara sendiri ataupun melalui pembelajaran (Drucker, 1985; Gorman, Hanlon dan Raja, 1997; Kuratko, 2005; Rondstat, 1987). Oleh itu, menyerlahkan tanggapan bahawa tekad keusahawanan individu boleh dipengaruhi oleh latihan dan sokongan (Henry et al., 2003). Bersama penemuan ini datang cabaran kepada ahli akademik untuk menyediakan pendidikan keusahawanan yang berkesan untuk membentuk sikap dan kemahiran keusahawanan pelajar yang diperlukan bagi membolehkan mereka berjaya di dalam kerjaya perusahaan.

Dengan pertumbuhan institusi pendidikan berkaitan keusahawanan, terdapat peningkatan jumlah pelajar yang menunjukkan minat dalam kerjaya keusahawanan (Brenner et al, 1991;. Kolveroid, 1996). Walau bagaimapun,

penyelidikan empirikal tentang pengaruh pengalaman keusahawanan lampau terhadap sikap dan persepsi bekerja sendiri telah terhad.

Walaupun kajian sebelum ini banyak menghuraikan tentang pendidikan keusahawanan di dalam universiti-universiti di Malaysia (Azmi et al, 2012, Yusuf et al, 2008, Othman et al, 2008, Nasurdin et al, 2009, Ismail et al, 2009, Pihie & Hassan, 2009, Ariff et l., 2010, Zain et al., 2010), namun tekad keusahawanan dan hubungan dengan suasana keusahawanan di universiti masih kurang disentuh (Norasmah, 2012).

Sebagaimana dibincangkan di dalam Bab 1, Universiti Malaysia Kelantan (UMK) adalah merupakan universiti yang berteraskan keusahawanan. Pelaksanaan visi, misi dan pelan strategik UMK membuktikan bahawa wujud “suasana keusahawanan” di UMK. Pendedahan terhadap keusahawanan diberikan menyeluruh kepada semua mahasiswa tidak terhad kepada mahasiswa daripada Fakulti Keusahawanan dan Perniagaan (FKP) semata-mata.

Dalam Pelan Strategik UMK 2016-2020 menyatakan semua program pengajian bertujuan untuk melahirkan modal insan negara yang berkualiti tinggi (dengan minda kelas pertama) yang memiliki atribut keusahawanan. Modal insan yang dihasilkan dimanfaatkan untuk kesejahteraan global dengan memberi perhatian kepada peningkatan keupayaan dan kemampuan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) “capability and capacity building of SME” serta menyumbang kepada pembangunan masyarakat perdagangan dan perindustrian.

Keseluruhan mahasiswa daripada UMK diwajibkan untuk mengambil beberapa subjek yang berkaitan keusahawanan tidak kurang daripada 10 peratus daripada keseluruhan subjek yang diambil tanpa mengira mereka daripada fakulti keusahawanan dan perniagaan ataupun bukan daripada fakulti tersebut. Ini bagi mendedahkan semua mahasiswa dengan pengetahuan asas keusahawanan (UMK, 2016).

Mahasiswa UMK kelompok pertama graduasi berpeluang menjalankan aktiviti perniagaan mereka secara sah dengan wujudnya *Student Entrepreneurship Centre (SEC)*. Bagi apa-apa perniagaan yang berdaftar dengan SEC, mereka akan diberikan satu ruang pejabat dan pebagai kemudahan lain seperti telefon dan mesin cetak. Mereka juga akan dibimbing oleh pensyarah-pensyarah untuk memajukan perniagaan mereka.

Tenaga pengajar UMK juga mempunyai pengalaman dan pendedahan di dalam aktiviti keusahawanan. Mereka digalakkan untuk mengikuti Program Sangkutan Industri di antara tiga hingga enam bulan. Dengan pengalaman ini, mereka turut membentuk suasana keusahawanan di UMK.

Anugerah Keusahawanan untuk Graduan diwujudkan bagi menggalakkan penglibatan staf dan pelajar dalam bidang keusahawanan, penyampaian anugerah dan ganjaran istimewa telah diwujudkan khas untuk kategori keusahawanan. Inisiatif ini telah menonjolkan staf dan pelajar yang giat menceburi bidang keusahawanan sebagai usahawan dan juga bertindak sebagai 'entrepeneur' dalam bidang kerja masing-masing.

Mengikut data daripada Pelan Strategik UMK 2016-2020, sebanyak 3,691 mahasiswa UMK mendapat pendedahan aktiviti keusahawanan di luar daripada kurikulum UMK. UMK juga mensasarkan untuk melahirkan sekurang-kurangnya 10% usahawan yang berijazah atau dengan kata lain sekurang-kurangnya 10% daripada graduan UMK memilih perniagaan sebagai kerjaya mereka bermula tahun 2019.

Program lain yang telah dianjurkan pada tahun 2012 adalah GREAT (Program Latihan Pemantapan Graduan) dan Karnival Kerjaya dan Keusahawanan Graduan (K3G) yang bertujuan untuk memberikan nilai tambah kepada pelajar tahun akhir UMK. Selain itu juga, di seluruh kampus UMK, kerap diadakan seminar-seminar keusahawanan dengan menjemput speaker luar yang telah berjaya di dalam bidang keusahawanan.

Kesimpulannya, perkara-perkara membuktikan bahawa suasana keusahawanan wujud di UMK dan meliputi semua pelajar tidak terhad kepada mahasiswa daripada FKP semata-mata.

2.5 Pengalaman Keusahawanan Lampau

Kajian telah menunjukkan bahawa pengalaman perniagaan lampau mempengaruhi proses membuat keputusan dan prestasi dalam perniagaan (Dyke et al., 1992). Kajian sebelum ini menjelaskan bahawa faktor-faktor penting seseorang individu itu menjadi usahawan adalah pendedahan masa lampau kepada aktiviti perniagaan, model teladan dan rangkaian perniagaan

(Hisrich & Brush, 1994; Kets de Vries, 1977; Scherer et al., 1989; Scott dan Twomey, 1988; Taylor dan Thorpe, 2004). Taylor dan Thorpe (2004) mencadangkan bahawa rangkaian perbuatan seseorang sebagai sumber maklumat yang boleh mempengaruhi proses membuat keputusan sepanjang proses keusahawanan. Pengaruh peribadi, keluarga dan rakan sebaya juga menjelaskan motivasi keusahawanan dan aspirasi kerjaya mahasiswa (Matlay, 2006) sama ada dalam bentuk yang positif atau negatif. Oleh itu, pendedahan kepada perniagaan keluarga dan model teladan bidang keusahawanan adalah faktor-faktor penting dalam membentuk tekad untuk bekerja sendiri.

2.6 Teori Yang Mendokong Kajian Ini

Tiga teori kognitif yang menjadi asas dalam kajian ini untuk memberikan sokongan empirik kepada model yang digunakan. Ketiga-tiga teori, menjadi mekanisme utama penerangan terhadap pembentukan tekad. Tiga teori tersebut adalah Teori Peristiwa Keusahawanan Shapero (TPKS) (Shapero dan Sokol, 1982), Teori Tingkah Laku Terancang (TTT) (Ajzen, 1991) dan Teori Kognitif Sosial (TKS) (Bandura, 1986).

2.6.1 Teori Peristiwa Keusahawanan Shapero (TPKS)

Untuk melihat bagaimana tekad keusahawanan sebagai faktor utama di dalam menjadi usahawan, Shapero dan Sokol (1982) mengkaji perubahan haluan hidup dan kesannya terhadap persepsi kebolehinginan dan kebolehlaksanaan individu tersebut bagi menjadi seorang usahawan. Model ini mengandaikan bahawa perubahan hidup yang kritikal (anjakan) mencetuskan perubahan dalam tekad keusahawanan dan tingkah laku yang seterusnya. Anjakan boleh berlaku dalam bentuk negatif seperti perceraian, kehilangan pekerjaan atau bentuk yang positif seperti sokongan kewangan dan rakan kongsi perniagaan yang baik. Tekad untuk bekerja sendiri yang seterusnya membentuk usaha penciptaan (peristiwa keusahawanan) bergantung kepada persepsi individu tersebut terhadap kebolehinginan dan kebolehlaksanaan berhubung dengan aktiviti itu.

Dalam model Shapero anjakan adalah pemangkin kepada perubahan dalam tingkah laku dan individu dalam membuat keputusan untuk bertindak berdasarkan persepsi kebolehinginan dan kebolehlaksanaan. Model ini menunjukkan bahawa tingkah laku manusia dalam keadaan inersia sehinggalah kepada peristiwa yang mewujudkan anjakan yang mengakibatkan perubahan tingkah laku tersebut (Nabi et al., 2006). Anjakan datang sama ada dalam bentuk positif atau negatif yang digambarkan oleh Gilad dan Levine (1986) sebagai teori 'tekan' dan 'tarik'. Anjakan negatif, sebagai contoh, kehilangan pekerjaan akan menolak seorang individu kepada bekerja sendiri. Sebaliknya


anjakan positif sebagai contoh, bantuan kewangan juga akan menarik individu kepada bekerja sendiri. Walaubagaimanapun, kajian empirikal terhadap faktor 'tekan' dan 'tarik' sebagai satu-satunya faktor mutlak yang boleh meramalkan tekad adalah sedikit (Krueger et al., 2000) dan secara logik, anjakan juga boleh menyebabkan tingkah laku yang lain selain menjadi usahawan. Satu persoalan yang menarik timbul daripada konsep 'faktor tekan' adalah, adakah terdapat masa yang cukup untuk peristiwa pencetus berlaku dalam tempoh empat tahun pengajian di Universiti Malaysia Kelantan (UMK).

Kebolehinginan adalah tahap seseorang merasakan bahawa memulakan usaha penciptaan adalah menarik (Shapero & Sokol, 1982). Menurut Shapero dan Sokol (1982) peristiwa keusahawanan adalah produk hasil persepsi terhadap kebolehinginan yang dipengaruhi sikap peribadi, nilai dan perasaan mereka. Ini hasil persekitaran sosial mereka yang unik seperti persekitaran keluarga, rakan sebaya, kumpulan, pendidikan dan pengaruh profesional. Dalam erti kata lain, seseorang individu perlu terlebih dahulu menyaksikan aski keusahawanan sebagai satu keinginan sebelum kemungkinan tekad keusahawanan akan terbentuk.

Tambahan lagi, Bird (1988) menganggap kebolehinginan yang dibentuk melalui pemikiran intuitif dalam proses tekad, dan kebolehlaksanaan sebagai satu bentuk pemikiran yang rasional. Kebolehinginan terhadap keusahawanan adalah satu penghakiman afektif sikap (tindak balas emosi) dan usahawan menggunakan pertimbangan itu membuat keputusan mengenai sama ada bertindak atau tidak (Mitchell et al., 2002).

Kebolehlaksanaan adalah tahap seseorang mempercayai bahawa dia mampu memulakan usaha penciptaan (Shapero & Sokol, 1982). Mengikut Shapero dan Sokol, (1982), persepsi individu terhadap kebolehlaksanaan adalah berhubungan dengan persepsinya terhadap sumber-sumber yang tersedia seperti pengetahuan, sokongan kewangan, dan rakan niaga. Berdasarkan rangka kerja Shapero-Krueger (Krueger et al., 2000), efikasi sendiri keusahawanan adalah proksi sesuai untuk tanggapan kebolehlaksanaan (Segal et al., 2005). McMullen dan Shepherd (2006) pula menyatakan bahawa kepercayaan dalam diri untuk menjadi usahawan (tanggapan kebolehlaksanaan) adalah disebabkan daripada fungsi pengetahuan keusahawanan.

Shapero dan Sokol (1982) menyimpulkan bahawa kedua-dua persepsi kebolehinginan dan kebolehlaksanaan mesti berinteraksi. Jika seorang individu melihat pembentukan perniagaan baru sebagai tidak boleh dilaksanakan, maka bolehlah dibuat kesimpulan bahawa individu tersebut tidak ingin terlibat di dalam perniagaan dan begitulah sebaliknya. Oleh itu, sikap graduan terhadap keusahawanan mungkin akan menerima kesan yang positif setelah terdedah di dalam aktiviti keusahawanan di universiti.




Rajah 2.2: Teori Peristiwa Keusahawanan Shapero (Shapero & Sokol, 1982)

Walau bagaimanapun, jika tiada persepsi kebolehlaksanaan (kepercayaan dalam kebolehan seseorang untuk bekerja sendiri dan keupayaan untuk memperoleh sumber yang diperlukan), tekad bekerja sendiri mungkin tidak akan terbina walaupun pada individu tersebut mempunyai kebolehinginan. Sebaliknya pula, jika persepsi graduan terhadap kebolehlaksanaan wujud di dalam satu-satu individu yang mungkin hasil kesan positif oleh pendedahan pendidikan keusahawanan, tetapi tanpa adanya

persepsi kebolehinginan untuk menjadi usahawan, tekad keusahawanan juga mungkin tidak akan terbentuk.

2.6.2 Teori Tingkah Laku Terancang (TTT)

Teori Tingkahlaku Terancang (Ajzen, 1991) berasal dari Teori Tindakan Beralasan (Fishbein & Ajzen, 1975). Teori ini sering digunakan oleh pengkaji di dalam meramalkan tingkah laku (Krueger et al., 2000; Autio et al., 2001, Souitaris et al., 2007). TTT memberikan satu rangkuman yang menyeluruh kepada ramalan tingkah laku kerana ia tidak hanya mengkaji daripada sudut personaliti sebaliknya juga faktor sosial (Krueger et al., 2000). Hipotesis TTT menyatakan bahawa tekad kepada satu-satu tingkahlaku adalah ditentukan daripada tiga faktor utama iaitu sikap, norma subjektif dan tanggapan terhadap kawalan tingkah laku.



Rajah 2.3: Teori Tingkahlaku Terancang (Ajzen, 1991).

2.6.3 Teori Kognitif Sosial


Teori Kognitif Sosial (TKS), pada asalnya dirujuk sebagai Teori Pembelajaran Sosial (Bandura, 1977), yang mengenal pasti tingkah laku manusia sebagai interaksi antara a) faktor peribadi, b) tingkah laku, dan c) alam sekitar (Bandura 1986). Teori ini menyediakan rangka kerja untuk memahami, dan meramalkan pelbagai jenis tingkah laku manusia. Teori Kognitif Sosial berguna untuk bukan sahaja memahami tingkah laku, tetapi juga mengenal pasti kaedah di mana tingkah laku mungkin diubah suai atau diubah (Pajares, 1997).

Tambahan pula, Teori Kognitif Sosial adalah kajian bagaimana pembelajaran berlaku melalui perubahan dalam keadaan mental (Ormrod, 1999). Teori ini menyediakan garis panduan yang boleh membantu pengajar dalam reka bentuk program untuk membantu individu mencapai perubahan melalui motivasi mereka sendiri dengan menyediakan mereka dengan pengetahuan khusus, kemahiran dan sumber (Anderson, 2000).

Dalam model ini, interaksi antara orang dan alam sekitar melibatkan satu kepercayaan dan kecekapan kognitif yang dibangunkan dan dipengaruhi oleh persekitaran, sosial dan fizikal mereka. Persekitaran sosial merujuk kepada ahli keluarga, rakan-rakan dan model peranan; persekitaran fizikal merujuk persekitaran individu dan akses kepada sumber (Pajares, 1997). Ini tidak bermakna bahawa semua individu akan mengikuti pola tingkah laku yang sama walaupun di dalam persekitaran yang sama. Ini kerana individu

akan mentafsirkan set rangsangan yang sama dengan cara yang berbeza kerana kepercayaan dan kecekapan kognitif yang unik (Jones, 1989).


Interaksi antara individu dan tingkah laku yang tertentu memerlukan pengaruh pemikiran dan salah satu tindakan. Ketiga-tiga faktor a) tingkah laku, b) alam sekitar, dan c) individu yang sentiasa mempengaruhi satu sama lain. Namun, di antara tiga faktor ini, mungkin ada campur tangan lain yang wujud (Glanz et al, 2002). Mekanisme kognitif disebut oleh Bandura (1977) sebagai efikasi sendiri kerana ia akan menjadi salah satu pembolehubah utama.



Rajah 2.4: Teori Kognitif Sosial (Bandura, 1986)

MALAYSIA
KELANTAN

2.7 Model Kajian yang Digunakan



Rajah 2.5: Model Hipotesis Tekad Keusahawanan Yang Digunakan

Model seperti Rajah 2.5 adalah daripada model Mcstray (2008). Nilai H_1 - H_2 adalah hipotesis sebagaimana yang diterangkan di dalam Rajah 1.5. Model Mcstray adalah gabungan dan ringkasan kedua-dua teori iaitu Teori Peristiwa Keusahawanan Shapero dan Teori Tingkah Laku Terancang Ajzen sementara turut merujuk kepada Teori Kognitif Sosial Bandura. Tanggapan Kebolehingan Bekerja Sendiri adalah setara dengan parameter Sikap dan Norma di dalam TTT dan Kebolehingan di dalam TPKS. Berdasarkan kajian di atas, kajian ini membawa hipotesis berikut:

Hipotesis 1: terdapat hubungan positif antara tanggapan terhadap kebolehingan untuk bekerja sendiri (TKBS), dengan tekad bekerja sendiri (TBS).

Manakala Tanggapan Efikasi Kendiri Keusahawanan adalah setara dengan pembolehubah Tanggapan Terhadap Kawalan Tingkahlaku TTT dan pembolehubah Kebolehlaksanaan di dalam TPKS. Untuk menyokong perubahan ini, satu meta analisis oleh Armitage & Conner (2001) mengesahkan bahawa efikasi sendiri adalah lebih jelas didefinisikan dan lebih kuat perkaitan dengan tekad berbanding tanggapan terhadap kawalan tingkah laku. Sementara kebolehlaksanaan dan efikasi sendiri walaupun tidak sama namun sangat kuat hubungannya. Berdasarkan perbincangan di atas, kajian ini membawa hipotesis berikut:

Hipotesis 2: terdapat hubungan positif antara tanggapan terhadap efikasi sendiri keusahawanan (TEKK) dengan Tekad Bekerja Sendiri (TBS).

Sumbangan dua pembolehubah TEKK dan TKBS adalah ditentukan mengikut keadaan masa dan tempat yang spesifik. Sebagai contoh, beberapa kajian menunjukkan impak yang jelas antara kebolehinginan dengan tekad (Kolvereid & Isaksen, 2006., Tkachev & Kolvereid, 1999) manakala kajian lain pula menunjukkan faktor efikasi sendiri merupakan faktor penting kepada tekad keusahawanan (Krueger et al, 2000; Autio et al., 2001; Linda & Chen, 2009). Serah et al. (2014) mendapati kuasa penerangan bagi model McStray adalah mencukupi (41%) untuk menerangkan faktor-faktor yang mempengaruhi tekad keusahawanan di kalangan mahasiswa di

Malaysia. Sebagai tambahan kepada dua hipotesis di atas, satu lagi hipotesis diuji di dalam kajian ini.

Hipotesis 3: Tanggapan Kebolehinginan Bekerja Sendiri (TKBS) dan Tanggapan Efikasi Kendiri Keusahawanan (TEKK) mempengaruhi Tekad Bekerja Sendiri (TBS).

Sebahagian kajian menerangkan bahawa ciri-ciri demografik seperti jantina dan pendidikan memberikan impak kepada tekad keusahawanan (Kolvereid, 1996; Mazzarol et al., 1999, Indarti, 2004). Franco et al. (2010) mendapati pelajar atau graduan daripada latar belakang pengajian keusahawanan lebih memilih untuk bekerja sendiri berbanding daripada latar belakang bukan keusahawanan. Berdasarkan penemuan di atas, iaitu latar belakang pengajian boleh mempengaruhi tekad keusahawanan, maka hipotesis di bawah diuji:

Hipotesis 4: Terdapat perbezaan yang ketara tekad keusahawanan di antara graduan Fakulti Keusahawanan & Perniagaan (FKP) berbanding graduan yang bukan daripada FKP.

Secara ringkas, model gabungan ini meneroka sikap graduan terhadap keusahawanan yang mana menentukan kebolehinginan untuk bekerja sendiri serta tanggapan efikasi kendiri keusahawanan yang mana menentukan kebolehlaksanaan untuk bekerja sendiri. Seterusnya, kebolehinginan dan kebolehlaksanaan menentukan tekad untuk bekerja sendiri. Tekad untuk bekerja sendiri adalah pendahulu kepada tingkah laku sebenar untuk bekerja sendiri di masa akan datang. Hubungan

antara tekad dengan tingkahlaku sangat-sangat berkait rapat (Kolveroid & Isaksen, 2006).

2.8Kesimpulan Bab

Secara ringkas, usahawan adalah seseorang yang menceburi usaha perniagaan di mana ia merupakan satu risiko ketidakpastian bagi tujuan mendapatkan keuntungan dan kemajuan. Tekad keusahawanan di dalam kajian ini disebut sebagai tekad untuk bekerja sendiri (Douglas & Shepherd, 2002). Tekad mesti melibatkan perancangan dan pertimbangan sementara minat pula tidak semestinya melibatkan dua perkara tersebut. Sebagai sebuah universiti keusahawanan, Universiti Malaysia Kelantan (UMK) didapati mempunyai dan mengembangkan suasana keusahawanan di kalangan mahasiswa dan mahasiswinya. Bagi melihat sejauh mana faktor suasana keusahawanan ini mempengaruhi tekad bekerja sendiri mahasiswa dan mahasiswi UMK, dengan merujuk kepada McStray (2008), maka tiga teori yang berkaitan tekad digabungkan kepada satu model gabungan untuk digunakan sebagai asas penilaian tekad bekerja sendiri. Teori-teori tersebut adalah Teori Peristiwa Keusahawanan Shapero (TPKS), Teori Tingkah Laku Terancang Ajzen (TTT), dan Teori Kognitif Sosial Bandura (TKS). Daripada model tersebut, terdapat empat hipotesis diuji bagi melihat saling hubungan antara Tanggapan KeboleHINGINAN untuk Bekerja

Sendiri (TKBS), Tanggapan Efikasi Kendiri Keusahawanan (TEKK)
dan Tekad Bekerja Sendiri (TBS).



UNIVERSITI

MALAYSIA

KELANTAN

BAB 3

METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pengenalan

Bagi tujuan kajian ini, tekad keusahawanan ditakrifkan sebagai tekad untuk menjadi bekerja sendiri. Ini merangkumi individu yang akan mempertimbangkan untuk memulakan perniagaan mereka sendiri dalam masa akan datang. Kajian ini tertumpu kepada memahami lebih lanjut mengenai jalan untuk keusahawanan dan tekad bekerja sendiri bagi sampel graduan UMK kelompok pertama. Ini dilakukan dengan memahami hubungan antara sikap graduan terhadap persepsi keusahawanan, juga mengambil kira kesan penyertaan dalam universiti keusahawanan pada tekad untuk bekerja sendiri,

Model tekad Shapero dan Sokol (1982) dan Ajzen (1991) yang dibincangkan sebelum ini dirangkumkan menjadi dua pemboleh ubah iaitu Tanggapan kebolehinginan bekerja sendiri (TKBS) dan Tanggapan efikasi sendiri keusahawanan (TEKK). Model ini telah digunakan untuk kajian tekad keusahawanan (Kolveroid dan Isaksen, 2006).

Dalam model untuk penyelidikan ini tanggapan terhadap efikasi sendiri keusahawanan menggantikan kawalan tingkah laku teranggap dalam model TPB dan persepsi terhadap kebolehlaksanaan dalam model SEE. Dalam menyokong perubahan ini, satu meta-analisis oleh Armitage dan Conner (2001) mengesahkan bahawa efikasi sendiri adalah lebih ringkas, jelas dan

lebih kuat dikaitkan dengan tekad daripada kawalan tingkahlaku teranggap. Manakala tanggapan terhadap kebolehlaksanaan keusahawanan dan tanggapan untuk efikasi sendiri keusahawanan walaupun tidak identikal tetapi mempunyai korelasi yang tinggi. Ringkasnya, model tekad gabungan yang digunakan dalam kajian ini menerokai sikap graduan terhadap keusahawanan yang mana menentukan kebolehinginan untuk bekerja sendiri dan tanggapan terhadap efikasi sendiri keusahawanan yang mana menentukan pula kebolehlaksanaan untuk bekerja sendiri. Seterusnya, kebolehinginan dan kebolehlaksanaan menentukan tekad untuk bekerja sendiri.

Tekad untuk bekerja sendiri adalah faktor utama kepada tingkah laku sebenar memilih bekerja sendiri sebagai pilihan kerjaya. Kolveroid & Isaksen (2006) menetapkan bahawa dengan adanya tekad bagi satu-satu individu untuk mengasaskan usaha penciptaan baru, maka kebarangkalian untuk tingkah laku sebenar terjadi sedemikian sangat tinggi.

3.2 Sampel Kajian

Sampel kajian adalah Graduan UMK. *Frame* persampelan adalah graduan kelompok pertama di Universiti Malaysia Kelantan yang bergraduat pada tahun 2011. Mereka terbahagi di antara tiga fakulti, iaitu Fakulti Keusahawanan dan Perniagaan, Fakulti Agroindustri dan Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan. Populasi mereka seramai 266 orang. Daripada jumlah tersebut, 159 orang berjaya dicerap (59.8%). Berdasarkan jadual Krejcie &

Morgan 1972, untuk populasi(N)=270 orang, jumlah sampel (S)=159 orang, adalah mencukupi untuk mewakili populasi.

3.3 Proses Tinjauan

Kaedah pengumpulan data kajian menggunakan borang soal selidik terhadap sampel populasi. Senarai nama, alamat emel serta nombor telefon sampel populasi didapati hasil kerjasama Unit Alumni, Universiti Malaysia Kelantan. Keseluruhan populasi dihubungi melalui emel, dan diminta untuk menyertai proses tinjauan. Mereka juga disusuli melalui telefon agar dapat memberikan kerjasama. Keseluruhan proses tinjauan memakan masa hampir satu tahun. Borang-borang mula diemelkan sedikit demi sedikit bermula pada bulan Julai 2013 kepada kesemua 266 graduan UMK kelompok pertama. Pemulangan pertama borang soal selidik berlaku beberapa hari selepas borang dihantar. Selepas itu, semakin banyak borang dipulangkanhari demi hari. Walau bagaimanapun, selepas Oktober 2013, tidak ada lagi borang yang dipulangkan melalui emel. Pengkaji terpaksa membuat susulan kepada kesemua responden melalui telefon dan SMS agar mereka memulangkan kembali borang soal selidik yang telah diisikan. Akhirnya, 159 orang responden telah memulangkan borang soal selidik yang telah diisikan kepada pengkaji. Yang terakhir adalah pada Jun 2014.

Di dalam borang soal selidik yang disediakan tidak disertakan item untuk pekerjaan. Ketika proses penulisan, pengkaji mendapati item pekerjaan

adalah penting bagi tujuan analisis deskriptif kajian ini untuk dibandingkan dengan data negara. Maka, pengkaji terpaksa membuat pertanyaan melalui emel sekali lagi kepada 159 orang responden yang memulangkan borang soal selidik sebelum ini. Susulan juga dilakukan melalui panggilan telefon dan SMS. Semua ini berlaku di antara jangka masa September 2014 sehingga November 2014. Pertanyaan tersebut adalah:

Apakah sektor pekerjaan yang anda ceburi sekarang ?

- a) Kerajaan
- b) Badan Berkanun
- c) Swasta (Antara Negara)
- d) Swasta (Tempatan)
- e) Perniagaan Sendiri
- f) Syarikat berkaitan Kerajaan
- g) Badan Bukan Kerajaan
- h) Lain-lain

Kelebihan proses tinjauan melalui emel adalah ia memudahkan responden untuk menjawab. Ini disebabkan responden tidak tergesa-gesa untuk mengisi borang tersebut dan juga boleh mengisinya pada waktu lapang mereka. Seterusnya, ia mengelakkan jawapan yang bias hanya sekadar untuk menyiapkan borang soal selidik dengan cepat. Bagi pihak pengkaji pula, proses tinjauan melalui emel pula adalah lebih sesuai digunakan di dalam kajian ini kerana graduan-graduan ini telah tersebar bekerja di merata tempat.

Bahkan ada yang berada di luar negara. Sangat sukar untuk pengkaji berjumpa seorang demi seorang untuk mengisi borang soal selidik.

Kelemahan tinjauan melalui emel adalah responden selalu melengahkan untuk mengisi borang tersebut. Selain itu, sebahagian mereka tidak membuka emel mereka menyebabkan pengkaji terpaksa membuat susulan melalui panggilan telefon dan SMS. Mengikut Babbie (2008), menerusi tinjauan secara surat ini, anggaran data yang boleh diterima untuk dianalisis adalah melebihi 50% walaupun ia hanyalah panduan yang tidak mengikat.

Borang soal selidik dibuat dalam format Microsoft Excel diemelkan kepada mereka dan mereka membalas kembali kepada pengkaji. Microsoft Excel digunakan kerana format perisian ini bersifat mesra pengguna kepada responden.

3.4 Kajian Rintis

Menurut Parasuraman (1991) tinjauan rintis merupakan satu bentuk pra-kajian yang dilakukan terhadap sebilangan responden atau individu yang berupaya menunjukkan sama ada terdapat sebarang bentuk kekurangan atau tidak pada instrumen kajian yang dibina. Dengan kata lain, tujuan kajian rintis dilakukan ialah bagi menentukan sama ada instrumen kajian dapat memberikan dapatan data sebagaimana objektif kajian. Di samping itu, melalui kajian rintis sebarang masalah pada instrumen kajian

dapat dikesan dan diperbetulkan sebelum kajian sebenar dilakukan.

Sehubungan itu, satu kajian rintis dilakukan untuk menentukan tahap kebolehpercayaan instrumen soal selidik yang dijalankan. Melalui kajian rintis ini, pengkaji boleh mengenalpasti sama ada responden mengalami kesukaran dalam menjawab soalan ataupun tidak. Kajian rintis ini mengambil masa tiga minggu dan melibatkan proses pengedaran dan pungutan semula borang soal selidik. Seramai 5 orang pelajar Universiti Malaysia Kelantan dipilih secara rawak. Kesemua mereka mengembalikan set soal selidik dengan melengkapkan semua item soalan. Tiada responden yang mengalami masalah dalam menjawab dan memahami soalan-soalan yang telah diberikan.

Selanjutnya, kesemua 10 set borang soal selidik tersebut akan diuji dengan menggunakan kaedah Alpha Cronbach bagi melihat nilai kebolehpercayaannya. Menurut Uma Sekaran (2003) instrumen soal selidik yang diuji melalui kaedah Alpha Cronbach dan mendapat nilai sekurang-kurangnya 0.7 (≥ 0.7) menunjukkan bahawa instrumen soal selidik tersebut adalah konsisten kebolehpercayaannya.

Jadual 3.1 menunjukkan nilai Alpha Cronbach bagi kajian rintis yang telah dijalankan.

Jadual 3.1 : Nilai Alpha Cronbach bagi kajian rintis (n=10)

Kategori Soal Selidik	Nilai Alpha Cronbach
Tanggapan Keinginan Untuk Bekerja Sendiri	0.836
Efikasi Kendiri Keusahawanan	0.899
Tekad Untuk Bekerja Sendiri	0.853
Nilai Alpha Cronbach Keseluruhan	0.863

Dapatan kajian rintis menunjukkan bahawa nilai Alpha bagi setiap faktor pendorong adalah melebihi nilai 0.8. Oleh itu, kesemua item mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi. Lantaran itu, kesemua item soal selidik adalah diterima dan tiada item soal selidik yang digugurkan.

3.5 Instrumen Borang Soal-Selidik

Borang soal selidik ini diambil dan diterjemah daripada Mcstay (2008). Borang soal selidik ini pernah digunakan oleh Serah & Muharam (2014) dalam satu kajian tekad keusahawanan mahasiswa prasiswa. Borang ini telah diuji kesahan dan kebolehpercayaan dalam konteks masyarakat Malaysia oleh Serah & Muharam (2014) dan dibuktikan sesuai. Dalam kajian ini, sekali lagi borang ini akan diuji daripada sudut kebolehpercayaannya.

Bagi memperjelaskan berkenaan borang ini, tekad keusahawanan ditakrifkan sebagai tekad untuk bekerja sendiri. Ia telah diukur dengan lima kenyataan disesuaikan daripada Krueger & Carsrud (1993), Chen, Greene & Crick (1998) dan Davidsson (1995) menggunakan skala Likert lima mata yang terdiri dari 1 (*sangat tidak setuju*) hingga 5 (*sangat setuju*). Sebagai graduan yang kebanyakan masih bekerja makan gaji, skala ini menyediakan pelbagai kenyataan daripada minat bekerja sendiri atau pemilikan perniagaan untuk tekad keusahawanan jangka panjang.

Kenyataan pertama: "Saya amat berminat untuk membuka perniagaan saya sendiri" menunjukkan minat yang tinggi ke arah bekerja sendiri/pemilikan perniagaan. Empat kenyataan berikut mengikut Armitage dan Connor (2001) dengan jelas membezakan tekad daripada kebolehinginan: "Saya sedang berusaha ke arah memiliki perniagaan sendiri", "Saya bertekad untuk memulakan perniagaan saya sendiri dalam tempoh dua tahun akan datang", "Saya bertekad untuk memulakan perniagaan saya sendiri dalam tempoh lima tahun akan datang", dan " Saya bertekad untuk memulakan perniagaan saya sendiri dalam tempoh sepuluh tahun akan datang" jelas menunjukkan tekad walaupun ia mempunyai sela masa. Menggunakan pendekatan Davidsson (2003), jangka tekad pendek dan panjang digunakan di dalam skala soal selidik ini. Jawapan daripada lima kenyataan telah dipuratakan pada lima soalan untuk mewujudkan jumlah markah purata (Chen et al. 1998).

Selaras dengan Armitage & Connor (2001), adalah penting untuk membezakan tekad daripada kebolehinginan kerana tekad itu sendiri adalah perantara antara kebolehinginan dengan tingkah laku. Tanggapan kebolehinginan mengukur sikap responden terhadap bekerja sendiri dan bagaimana menarik idea bekerja sendiri untuk responden. Kebolehinginan (contoh: "Saya sangat-sangat mahu") dengan jelas dibezakan daripada tanggapan terhadap efikasi sendiri keusahawanan (contohnya: "Saya percaya saya boleh."). Empat item kebolehinginan yang digunakan dalam kajian ini telah disesuaikan daripada Krueger (1993) dan Kickul & Krueger (2004). Contoh soalan seperti, "Idea untuk memiliki perniagaan sendiri adalah sangat menarik kepada saya", dan "Saya tidak boleh bayangkan bekerja untuk orang lain" bagi menilai kewajaran bekerja sendiri untuk responden. Respons yang ditunjukkan pada lima mata skala Likert yang terdiri dari 1 (*sangat tidak setuju*) hingga 5 (*sangat setuju*).

Persepsi keusahawanan keberkesanan diri adalah satu bentuk khusus efikasi sendiri (Bandura, 1997) dan merupakan persepsi satu-satu individu terhadap kebolehan keusahawanan mereka sendiri (Forbes 2005). Lima belas daripada enam belas item berskala merangkumi tiga peranan yang berbeza yang berkaitan dengan pemilikan perniagaan keusahawanan iaitu mengenalpasti peluang, inovasi, perniagaan, pengurusan kewangan dan sumber manusia, menghadapi risiko dan cabaran yang tidak dijangka. Kenyataan keenam belas dan terakhir adalah ukuran global bagi efikasi sendiri keusahawanan, "Jika saya mahu, saya percaya saya akan

berjaya memulakan perniagaan saya sendiri". Penilaian telah dibuat pada lima mata skala Likert yang terdiri dari 1 (*sangat tidak setuju*) hingga 5 (*sangat setuju*).

3.6 Analisis Data

Teknik-teknik analisis untuk menguji hipotesis dalam kajian ini dilakukan dengan menggunakan SPSS 22.0. Analisis regresi berganda telah dijalankan seperti berikut: Terdapat 4 hipotesis yang hendak diuji. Tiga Hipotesis pertama diuji menggunakan analisis regresi berganda manakala Hipotesis 4 diuji dengan ujian-t.

Hipotesis_ 1: terdapat hubungan positif antara tanggapan terhadap kebolehingan untuk bekerja sendiri (TKBS), dengan Tekad Bekerja Sendiri (TBS).

Hipotesis 2 : terdapat hubungan positif antara tanggapan terhadap efikasi sendiri keusahawanan (TEKK) dengan Tekad Bekerja Sendiri (TBS).

Hipotesis 3: Tanggapan Kebolehingan Bekerja Sendiri (TKBS) dan Tanggapan Efikasi Kendiri Keusahawanan (TEKK) mempengaruhi Tekad Bekerja Sendiri (TBS).

Hipotesis 4: Terdapat perbezaan yang ketara Tekad Bekerja Sendiri (TBS) di antara graduan Fakulti Keusahawanan & Perniagaan (FKP) berbanding graduan yang bukan daripada FKP.

Secara ringkasnya, analisis regresi berganda membolehkan pemeriksaan hubungan antara beberapa pembolehubah tidak bersandar dan satu pembolehubah bersandar. Kaedah statistik ini juga boleh melihat sumbangan setiap pembolehubah tidak bersandar secara individu untuk pembolehubah bersandar, magnitud dan arahnya (Hair et al., 1998). Elemen-elemen di dalam regresi berganda adalah seperti berikut:

$$Y = a + b_1X_1 + b_2X_2 + \dots + b_nX_n$$

di mana

Y adalah nilai pembolehubah bersandar, yang hendak diterangkan
a (**Alpha**) adalah pemalar

b₁ adalah pekali beta untuk **X₁**

X₁ adalah pembolehubah tidak bersandar pertama yang menerangkan varian

b₂ adalah pekali beta untuk **X₂**

X₂ adalah pembolehubah tidak bersandar kedua yang menerangkan varian

b_n adalah pekali beta untuk **X_n**

X_n adalah pembolehubah tidak bersandar ke-n yang menerangkan varian **Y**

3.7 Kesimpulan Bab

Proses tinjauan dilakukan terhadap 266 orang graduan UMK yang bergraduasi pada tahun 2011. Daripada jumlah itu, 59.8% daripada mereka berjaya dicerap. Borang soal selidik diambil dan diterjemah daripada McStay

(2008) dan pernah diuji kesahan dan kebolehpercayaan dalam konteks Malaysia oleh Serah & Muharam (2014). Soal selidik yang digunakan melalui proses kajian rintis dan diuji nilai Alpha Cronbach bagi melihat tahap kebolehpercayaannya. Didapati nilai keseluruhan adalah tinggi iaitu 0.863. Oleh itu, kesemua item soal selidik digunakan. Tinjauan dilakukan dengan menggunakan kaedah emel dan juga susulan melalui telefon dalam jangka masa lebih kurang satu tahun. Borang soal selidik dibahagikan kepada tiga bahagian yang mewakili tiga pembolehubah TKBS, TEKK dan TBS di dalam kajian ini. Terdapat tiga hipotesis yang diuji di dalam kajian ini menggunakan analisis regresi berganda dan satu lagi hipotesis menggunakan ujian-t.



BAB 4

HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN

4.1 Pendahuluan

Bab ini membincangkan penemuan kajian. Ia terbahagi kepada dua bahagian utama iaitu pembentangan data dan perbincangan. Data dimuatkan dalam jadual untuk melihat hubungan di antara pembolehubah-pembolehubah yang digunakan di dalam kajian ini.

4.2 Demografi Responden

Jadual 4.1 menunjukkan 34.6% responden adalah lelaki dan 65.4% adalah perempuan. Seramai 36.5% responden adalah daripada graduan Fakulti Keusahawanan dan Perniagaan (FKP) manakala selebihnya 63.5% adalah graduan yang bukan daripada FKP. Jadual 4.2 pula menerangkan tentang sektor pekerjaan yang diceburi oleh graduan UMK mengikut tempoh tinjauan di dalam tahun 2013.

Jadual 4.1: Demografi Kajian

Pembolehubah	Kekerapan	Peratusan (%)
Jantina		
Lelaki	55	34.6
Perempuan	104	65.4
Bangsa		
Melayu	151	95.0
Cina	4	2.5
India	0	0
Lain-lain	4	2.5
Fakulti		
FKP	58	36.5
Bukan FKP	101	63.5

Jadual 4.2: Sektor pekerjaan graduan UMK kelompok pertama graduasi

Sektor Pekerjaan	Peratus %
Kerajaan	28.9% (46)
Badan Berkanun	4.4% (7)
Swasta (Antara Negara)	11.3% (18)
Swasta (Tempatan)	42.8% (68)
Perniagaan Sendiri	5.7% (9)
Syarikat Berkaitan Kerajaan	3.8% (6)
Badan Bukan Kerajaan	0.0% (0)
Lain-lain	3.1% (5)
Jumlah	100% (159)

Kekerapan responden jantina perempuan dan bangsa Melayu adalah lebih tinggi di dalam kajian ini. Jika dibandingkan tahap penglibatan graduan

kelompok pertama UMK terkini berbanding graduan negara secara keseluruhan, graduan UMK lebih tinggi peratusan terlibat di dalam keusahawanan berbanding graduan negara secara keseluruhan. Dengan merujuk Jadual 1.2 dan Jadual 4.2, peratusan graduan UMK yang terlibat di dalam bidang keusahawanan adalah 5.7% berbanding graduan negara keseluruhan iaitu 5.5%. Jika dibandingkan pula dengan graduan IPTA, maka nilai yang lebih besar didapati iaitu 5.7% graduan UMK berbanding 4.5% graduan IPTA yang menceburi bidang keusahawanan. Maka, boleh disimpulkan bahawa kewujudan suasana keusahawanan di UMK, memberikan kesan yang ketara terhadap penglibatan graduan di dalam bidang keusahawanan. Namun, ia masih jauh daripada sasaran UMK sendiri iaitu untuk mencapai 10% daripada graduannya menceburi bidang keusahawanan (Pelan Strategik UMK 2016-2020, 2015).

4.3 Analisis Diskriptif

Sebelum proses regresi berganda dilakukan, analisis diskriptif digunakan untuk melihat jika ada masalah pada andaian asas normal multivariat, *homoscedasticity* dan kelinearan (Pallant, 2007). Kepencongan dan kurtosis data disiasat untuk menilai sejauh mana normaliti taburan. *Mahalanobis* dan perbandingan antara min dan skor min terpotong juga telah diperiksa untuk kehadiran titik terpencil.

Kekerapan dan nilai-nilai minimum dan maksimum bagi pembolehubah telah disemak dengan kod-buku untuk pemarkahan yang mungkin tersilap. Semua skor berada dalam julat jangkaan dan tiada kesilapan yang dikesan dalam data.

Jumlah markah untuk setiap pembolehubah iaitu Tanggapan KeboleHINGINAN Bekerja Sendiri (TKBS), Tanggapan Efikasi Kendiri Keusahawanan (TEKK), dan Tekad Bekerja Sendiri (TBS), adalah penilaian peribadi graduan UMK terhadap diri mereka sendiri atas pembolehubah-pembolehubah tersebut.

Data deskriptif untuk pembolehubah-pembolehubah adalah seperti di dalam Jadual 4.3.

Jadual 4.3: Statistik Diskriptif (n=159)

Pembolehubah	Min	SD	Kepencongan	Kurtosis
TKBS	4.12	3.503	-0.210	-0.508
TEKK	3.90	7.761	-0.044	0.471
TBS	4.23	4.778	-0.234	-0.258

TKBS (tanggapan keboleHINGINAN bekerja sendiri) mm = 20; TEKK (tanggapan efikasi sendiri keusahawanan) mm = 80; TBS (tekad bekerja sendiri) mm = 25.

*mm = markah maksimum

Nilai min keseluruhan markah bagi TKBS adalah 16.48 (82.4%) bagi empat soalan yang jumlah markahnya 20 Skor min adalah 4.12 daripada

keseluruhan jumlah skor. Bagi TEKK pula, nilai min adalah 62.4 (78%) daripada markah keseluruhan sebanyak 80 markah untuk 16 soalan. Skor min adalah 3.90 daripada keseluruhan jumlah skor. Dengan nilai skor min yang tinggi, dapatan kajian mendapati bahawa graduan UMK mempunyai tahap kebolehhingan dan efikasi sendiri yang tinggi terhadap keusahawanan.

Bagi melihat normaliti, berdasarkan Jadual 4.3, nilai kepencongan yang rendah dan kurtosis yang menjauhi nilai 1 menunjukkan bahawa data yang dikumpul adalah mempunyai tahap taburan kenormalan yang tinggi.

Dengan merujuk kepada statistik diskriptif di dalam Jadual 4.3, nilai min TKBS dan TEKK adalah hampir sama iaitu 3.72 dan 3.75. Nilai TEKK mengatasi TKBS sedikit. Ini mencadangkan bahawa efikasi sendiri keusahawanan lebih mempengaruhi tekad graduan untuk menjadi usahawan di masa akan datang. Seperti dibincangkan sebelum ini, efikasi sendiri keusahawanan di dalam kajian ini adalah gabungan di antara pemboleh ubah norma subjektif dan tanggapan kawalan tingkahlaku Ajzen dan efikasi sendiri Shapero. Oleh itu, keputusan menjelaskan bahawa, kawalan dan perancangan sendiri, pengalaman dan suasana sangat penting di dalam membentuk tekad keusahawanan graduan di UMK. Responden juga bersetuju bahawa suasana keusahawanan di UMK sangat penting di dalam membentuk tekad keusahawanan di dalam diri mereka.

Jika dirujuk dengan kajian lampau, dapatan ini selaras dengan beberapa dapatan (Krueger et al, 2000; Autio et al., 2001; Linen & Chen, 2009; Norasmah, 2012). Engle et al. (2010) menjelaskan bahawa norma subjektif

yang merupakan salah satu komponen di dalam pembolehubah efikasi sendiri adalah faktor penting pembentukan tekad di 12 negara.

Nilai min bagi tekad bekerja sendiri (TBS) bagi kedua-dua kelompok adalah seperti dalam Jadual 4.4. Bagi menguji Hipotesis 4, maka ujian-t perlu dijalankan kepada data graduan FKP dan bukan FKP. Perbincangan berkenaan Hipotesis 4 akan dilakukan di dalam sub bab 4.4.

Jadual 4.4: Nilai min TBS bagi graduan FKP dan bukan FKP. (n=159)

	Bilangan (n)	min
Graduan FKP	58	4.30
Graduan bukan FKP	101	4.21

4.4 Tahap Kebolehpercayaan

Dengan merujuk Jadual 4.5, tahap kebolehpercayaan diuji sekali lagi terhadap kesemua pembolehubah melibatkan keseluruhan responden kajian. Keputusan mendapati nilai α untuk TKBS, TEKK dan TBS adalah >0.70 dan dianggap baik untuk kajian (Nunnally, 1978). Pembolehubah terakhir (TBS) menunjukkan nilai $\alpha = 0.812$. Nilai ini menunjukkan bahawa tekad bekerja sendiri bagi graduan UMK adalah tinggi.

Jadual 4.5: Nilai Alfa (α) Cronbach's bagi keseluruhan Data (n=159)

Kategori Soal Selidik	Nilai Alpha Cronbach
Tanggapan Keinginan Untuk Bekerja Sendiri	0.791
Efikasi Kendiri Keusahawanan	0.825
Tekad Untuk Bekerja Sendiri	0.812
Nilai Alpha Cronbach Keseluruhan	0.809

Dengan merujuk Jadual 4.5, keputusan menunjukkan ketiga-tiga pembolehubah adalah >0.70 dan dianggap baik (Nunnally, 1978). Nilai α untuk Tekad Bekerja Sendiri (TBS) graduan UMK adalah 0.812. Jika dirujuk konteks Malaysia, nilai ini hampir sama dengan dapatan yang di dalam oleh Norasmah et al. (2012), Mohd Nor (2009) dan Zaharah et al. (2012). Nilai ini juga lebih tinggi daripada dapatan Noraisyah Buang (2011), Mumtaz (2012), dan Zaidatol (2011).

4.5 Korelasi

Dengan merujuk Jadual 4.6, pekali korelasi Pearson digunakan untuk melihat korelasi di antara dua pembolehubah. Ia juga untuk mengenal pasti jika ada multikolinearan dan ketunggalan. Multikolinearan adalah satu keadaan apabila salah satu pembolehubah bertindan dengan yang lain. Jika

pembolehubah didapati mempunyai pekali korelasi 0.80 dan ke atas maka multikolinearan dianggap wujud (Pallant, 2003). Ketunggalan pula apabila nilai pekali korelasi adalah 0 (sifar) (Tabachnick & Fidell, 2007). Hasil keputusan korelasi antara pembolehubah mengesahkan bahawa setiap pembolehubah mempunyai korelasi positif. Keputusan juga menunjukkan bahawa multikolinearan (jika nilai korelasi Pearson > 0.80) dan ketunggalan (jika nilai korelasi Pearson = 0) tidak wujud di antara pembolehubah-pembolehubah yang digunakan.

Jadual 4.6 Jadual Korelasi

		avgTKBS	avgTEKK	avgTBS
avgTKBS	Korelasi Pearson	1	0.528 **	0.678 **
	Sig. (2-tailed)		0.000	0.000
	N	159	159	159
avgTEKK	Korelasi Pearson	0.528 **	1	0.584 **
	Sig. (2-tailed)	0.000		0.000
	N	159	159	159
avgTBS	Korelasi Pearson	0.678 **	0.584 **	1
	Sig. (2-tailed)	0.000	0.000	
	N	159	159	159

** Korelasi adalah signifikan pada aras 0.01 (2-tailed).

Jadual 4.6 menunjukkan pembolehubah korelasi Pearson di antara pembolehubah. Pekali korelasi antara pembolehubah tanggapan kebolehinginan bekerja sendiri (TBKS) dan tekad bekerja sendiri (TBS) adalah yang tertinggi (0.678). Mengikut Pallant, (2013), pekali korelasi < 0.7 tidak dianggap terlalu tinggi. Maka, data ini tidak mempunyai masalah multikolineariti dan kesemua pembolehubah boleh digunakan. Kekuatan

korelasi boleh diinterpretasi dengan menggunakan panduan yang dicadangkan oleh Cohen (1988) seperti di dalam Jadual 4.6.

Kesemua pekali korelasi di dalam Jadual 4.6 adalah > 0.5 . Ini mencadangkan hubungan yang kuat antara kebolehinginan (TKBS) dengan tekad bekerja sendiri ($r = 0.678$) dan efikasi sendiri (TEKK) dengan tekad bekerja sendiri ($r = 0.584$). Ini membuktikan bahawa semakin kuat keinginan dan efikasi sendiri atau kawalan sendiri untuk menjadi usahawan, maka tekad keusahawanan juga akan bertambah kuat. Hasil kajian yang didapati selaras dengan Ajzen (2001) yang mengatakan semakin kuat sikap terhadap tingkahlaku, semakin kuat juga tekad terhadap tingkahlaku. Shapero's (1982) melalui model SEE memasukkan dalam pengukurannya kebolehinginan sebagai satu parameter untuk memulakan usaha penciptaan baru. Dalam kajian ini, keinginan untuk bekerja sendiri adalah kondisi utama ke arah tingkah laku bekerja sendiri di masa akan datang. Dapatan ini juga selaras dengan kajian yang dibuat di luar negara (McStray, 2008; Katz, 1994, Kim, 1993) dan juga di dalam negara yang menggunakan teori asas TTT Ajzen dan TPKS Shapero (Hassan, 2007; Ariff et al., 2010; Nor Aisyah, 2011). Efikasi sendiri juga terbentuk daripada kepercayaan. Kepercayaan dan persepsi terbentuk oleh faktor-faktor luaran (Krueger et al., 2000) seperti maklumat daripada persekitaran (contoh pengalaman sebelum, pendidikan, model peranan). Daripada maklumat ini, ia memberikan maklumat kepada pelajar sama ada boleh membentuk sikap yang memihak atau tidak memihak ke arah bekerja sendiri (Ajzen dan Fishbein, 1980). Kedua-dua pembolehubah ini

mestilah diusahakan untuk wujud di dalam golongan mahasiswa agar tekad keusahawanan wujud dalam diri mereka.

Selain itu, hubungan yang kuat juga antara pembolehubah TKBS dan TEKK ($r = 0.528$). Ini membuktikan keinginan dan minat yang kuat untuk menjadi usahawan turut membantu menjadikan seseorang individu itu merancang teliti dan bersungguh-sungguh bagi menjadi usahawan. Dapatan ini adalah selari dengan McStray, (2008) yang menerangkan hubungan antara kedua-dua pemboleh ubah ini adalah saling berkait. Satu perkara yang penting untuk memupuk minat terlebih dahulu kepada mana-mana individu sebelum minat tersebut akan berubah menjadi tekad dan seterusnya berkecimpung dalam aktiviti keusahawanan.

Kajian ini dilakukan bagi menjawab persoalan kajian tentang graduan daripada Universiti Malaysia Kelantan sebagai universiti keusahawanan, sama ada mereka ini bertekad untuk menceburi bidang keusahawanan di masa akan datang. Melalui keputusan yang didapati maka, jumlah 62.4% didapati mempunyai tekad bekerja sendiri (TBS), adalah satu angka yang tinggi dan boleh dipuji. Nilai ini lebih tinggi daripada lepasan politeknik (57.3%) (Norasmah, 2012) dan IPTA secara keseluruhannya (54.2%) (Mohd Noor, 2009).

Jadual 4.7: Interpretasi Korelasi

Interpretasi	Korelasi (r)
Kecil	$r = 0.10-0.29$
Sederhana	$r = 0.30-0.49$
Besar	$r = 0.50-0.10$

Cohen (1988)

4.6 Keputusan Regresi Berganda

Analisis regresi berganda digunakan untuk melihat hubungan di antara lebih daripada satu pembolehubah bebas atau peramal dengan satu pembolehubah bersandar. Jadual 4.8 menunjukkan bahawa di antara dua pemboleh ubah bebas (TKBS dan TEKK), kebolehinginan atau TKBS merupakan faktor yang lebih penting di dalam menentukan tekad keusahawanan graduan UMK ($\beta = 0.345$). Manakala TEKK pula turut menjadi faktor penting kepada tekad keusahawanan ($\beta = 0.316$).

Jadual 4.8: Pekali Regresi (n = 159)

Pembolehubah	β	t
Tanggapan kebolehinginan bekerja sendiri (TKBS)	0.345*	8.194
Tanggapan efikasi sendiri keusahawanan (TEKK)	0.316*	7.293
R^2	0.624	-
<i>Adjusted-R</i> ²	0.521	-
F (2,159)	156.603	-

**Significant* pada paras 0.01

**Pembolehubah bersandar: TBS

Dalam mencapai objektif kajian, analisis regresi berganda digunakan untuk menguji hipotesis-hipotesis di dalam tesis ini. Dengan merujuk kepada Jadual 4.8, hipotesis 1 (H_1) menyatakan bahawa minat atau tanggapan kebolehhingan untuk bekerja sendiri adalah secara positif berhubungan dengan tekad bekerja sendiri. Nilai bagi β adalah positif ($\beta = 0.345$, $p < 0.05$). Dapatan ini adalah konsisten dengan dapatan sebelum ini yang menyatakan bahawa minat dan keinginan adalah secara positif mempengaruhi tekad keusahawanan (Kolvereid, 1996; Tkachev & Kolvereid, 1999; Krueger et al., 2000; Hassan, 2007, McStray, 2008; Ariff et al 2010; Norasmah, 2012). Luthje & Frank (2003) melaporkan sikap positif terhadap keusahawanan akan memberikan efek positif kepada tekad keusahawanan ($\beta = 0.408$, $p < 0.05$). Selain itu, Hassan (2007) mendapati kebolehhingan mempunyai hubungan paling kuat terhadap tekad keusahawanan ($r = 0.69$, $p < 0.01$). Oleh itu, dapatan ini menyokong H_1 .

Keputusan menunjukkan bahawa TEKK juga secara positif mempengaruhi tekad bekerja sendiri ($\beta = 0.316$, $p < 0.05$). Dengan ini, hipotesis 2, H_2 diterima. Dapatan ini selari dengan Kolvereid (1997) dan Kennedy et al. (2003). Tanggapan efikasi sendiri keusahawanan (TEKK), walaupun ia menunjukkan hubungan positif namun nilainya kurang daripada TKBS. Bandura (1997) mencadangkan bahawa, efikasi sendiri adalah lebih kuat hubungannya jika satu-satu tugas itu dinyatakan secara lebih spesifik. Sebagaimana yang telah dibincangkan, pembolehubah tanggapan kebolehlaksanaan dalam Shapero (1982), model TPKS dan kawalan tingkah laku teranggap dalam Teori Tingkahlaku Terancang Ajzen (1991) ditukar ganti

dengan pembolehubah efikasi sendiri memandangkan ketiga-tiga pembolehubah itu menilai tanggapan seseorang terhadap kemampuan kepada dirinya untuk melakukan tingkah laku yang tertentu (McStray, 2008). Kajian sebelum ini juga menunjukkan bahawa efikasi sendiri mampu meramalkan pilihan kerjaya (Lent et al., 1994) dan mengenalpasti peluang keusahawanan (Krueger, 1989).

Berdasarkan Jadual 4.8, analisis regresi menunjukkan nilai *R-square*, adalah 0.624. dan nisbah F adalah 156.603. Dapatan ini bermakna 62.4% daripada varian di dalam tekad bekerja sendiri adalah berpunca daripada dua pembolehubah bebas iaitu TKBS dan TEKK. Dengan ini, ia mengesahkan model yang digunakan di dalam meramalkan tekad keusahawanan graduan. Dengan nilai ini, kedua-dua pembolehubah tersebut secara bersama-sama menjelaskan tekad keusahawanan secara jelas. Oleh itu, H₃ yang menyatakan TKBS dan TEKK adalah mempengaruhi tekad keusahawanan tidak ditolak di dalam kajian ini.

Keseluruhan dapatan menunjukkan kira-kira 62.4% graduan bertekad untuk bekerja sendiri ditunjukkan dengan nilai yang signifikan ($p < 0.0005$).

Jadual 4.9: Statistik Kumpulan

Fakulti		N	Min	Sisihan Piawai	<i>Std Error Mean</i>
Fakulti	FKP	58	4.30	0.53	0.112
	Bukan FKP	101	4.21	0.59	0.142

Jadual 4.10: Ujian Sampel Bebas

	Ujian <i>Lavene</i> untuk persamaan varian		Ujian-t untuk persamaan min.						
	F	Sig	t	df	Sig (2-tailed)	Mean Difference	Std. Error Difference	95% aras keyakinan pada pembezaan	
								<i>Lower</i>	<i>Upper</i>
<i>Equal variances assumed</i>	2.568	0.169	-2.209	64.513	0.060	-2.663	-0.617	-1.812	1.878
<i>Equal variances not assumed</i>			-2.228	87	0.067	-2.663	-0.633	-1.822	1.890

Berdasarkan Jadual 4.4 dan Jadual 4.9, tahap tekad bekerja sendiri bagi graduan daripada FKP ($n = 58$, $m = 4.30$) adalah sedikit tinggi berbanding graduan yang bukan FKP ($n = 101$, $m = 4.21$). Satu ujian sampel bebas t (t -test) dijalankan untuk membandingkan tekad keusahawanan di antara kedua-dua kelompok ini. Merujuk jadual 4.10, ujian-t sampel bebas menunjukkan perbezaan skor di antara tekad keusahawanan FKP ($n = 58$, $M = 4.3$, $SD = 0.53$) dan Bukan FKP ($n = 101$, $M = 4.21$, $SD = 0.59$) adalah tidak signifikan, $t(87) = -2.228$, $p = .067 > 0.050$, $d = 0.35$. Dapatan ini tidak memberikan sokongan kepada pernyataan di dalam H_4 yang menyatakan ada perbezaan ketara tekad keusahawanan di antara graduan FKP dan bukan FKP. Oleh itu H_4 ditolak. Ini bermakna, graduan UMK tanpa mengira fakulti kesemuanya mempunyai tahap tekad keusahawanan yang sama. Dapatan ini membuktikan bahawa suasana keusahawanan di UMK merangsang minat dan tekad keusahawanan mahasiswa yang bukan daripada pengajian keusahawanan sehingga sama dengan mahasiswa yang daripada latar belakang pengajian keusahawanan. Dapatan ini selaras dengan Norasmah, (2012) tetapi bercanggah dengan Indarti (2004) yang menyatakan bahawa mahasiswa daripada latar belakang keusahawanan mempunyai tekad yang lebih tinggi daripada yang bukan daripada latar belakang pengajian keusahawanan. Ini dapat difahami kerana graduan UMK yang bukan daripada pengajian keusahawanan turut mendapat pendedahan yang banyak tentang keusahawanan kerana wujudnya ekosistem keusahawanan atau suasana keusahawanan di UMK

4.7 Kesimpulan Bab

Bab ini membincangkan tentang keputusan data-data yang diperolehi dan hipotesis yang diuji sebagaimana yang ditulis di dalam Bab 3. Jadual 4.9 meringkaskan keputusan ujian terhadap hipotesis berkenaan.

Jadual 4.11: Ringkasan Hipotesis

Hipotesis	Keputusan
#1: Terdapat hubungan positif antara tanggapan terhadap kebolehirnginan untuk bekerja sendiri (TKBS), dengan Tekad Bekerja Sendiri (TBS).	Disokong
# 2 : Terdapat hubungan positif antara tanggapan terhadap efikasi sendiri keusahawanan (TEKK) dengan Tekad Bekerja Sendiri (TBS)	Disokong
#3: Tanggapan Kebolehirnginan Bekerja Sendiri (TKBS) dan Tanggapan Efikasi Kendiri Keusahawanan (TEKK) mempengaruhi Tekad Bekerja Sendiri (TBS).	Disokong
#4: Terdapat perbezaan yang ketara Tekad Bekerja Sendiri (TBS) di antara graduan Fakulti Keusahawanan & Perniagaan (FKP) berbanding graduan yang bukan daripada FKP.	Ditolak

Hipotesis 1, 2, dan 3 mengulangi kajian sebelumnya dan menyokong faktor kebolehingan dan efikasi sendiri terhadap tekad bekerja sendiri atau tekad keusahawanan. Kebolehingan dan efikasi sendiri ini didapati daripada suasana keusahawanan di UMK. Graduan UMK mempunyai tekad yang tinggi untuk terlibat di dalam bidang keusahawanan (84.6%). Graduan UMK juga mempunyai peratusan yang lebih tinggi terlibat di dalam bidang keusahawanan (5.7%) berbanding nilai graduan IPTA (4.5%) dan graduan negara secara keseluruhan (5.5%). Sama ada tahap kebolehingan atau efikasi sendiri, kedua-duanya mempunyai nilai yang hampir sama di dalam mempengaruhi tekad bekerja sendiri walaupun efikasi sendiri sedikit lebih mempengaruhi berbanding kebolehingan atau minat. Dapatan juga mendapati kedua-dua faktor di atas juga boleh saling kuat-menguat antara satu sama lain. Dapatan juga mendapati 62.4% daripada varian di dalam tekad bekerja sendiri adalah berpunca daripada kedua-dua pembolehubah TKBS dan TEKK. Dengan ini mengesahkan model yang digunakan untuk meramalkan tekad bekerja sendiri.

BAB 5

KESIMPULAN KAJIAN

5.1 Ringkasan

